

PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010**

L

J

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA: 8 JUN 2010

**CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 11 HINGGA 62)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SO ALAN NO. 1 HINGGA 10 [RUJUK

PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

SIDEK
CAW. PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

Soalan No: 11

DARI PAD A	PEMBERITAHU AN PERTANYAAN
	DEWA'D MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI RA[KUALA NERUS] MALAYSIA
PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	08.06.2010
SOALAN NO	11

Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta Menteri Kewangan

menyatakan mengenai pengurangan peruntukan kepada jabatan Kerajaan pada tahun ini dan adakah kajian mengenainya dibuat bagi memastikan pendekatan berhemah itu tidak mendatangkan kesan negatif kepada pembangunan dan kepentingan rakyat keseluruhannya.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan mengurangkan peruntukan pada tahun ini adalah bertujuan supaya defisit negara dapat dikurangkan kepada 5.6 peratus berbanding 7.0 peratus pada tahun 2009. Usaha ini dibuat untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan supaya meningkatkan tahap keyakinan pelabur dalam dan iuar negara.

2. Kerajaan sememangnya prihatin dengan keadaan ekonomi masa kini dan telah mengeluarkan arahan dan garis panduan kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan agar lebih berhati-hati, berjimat cermat dan telus dalam membelanjakan wang Kerajaan agar tidak berlaku pembaziran dan penyelewengan perbelanjaan. Kementerian dan Jabatan juga digalakkan untuk memberi keutamaan kepada program dan aktiviti yang lebih penting terutamanya aktiviti yang melibatkan kebajikan rakyat. Malahan, pengurangan perbelanjaan dibuat bagi aktiviti yang kurang atau tiada impak kepada rakyat seperti mengelakkan penyusunan semula organisasi yang melibatkan pertambahan perjawatan, menghadkan perjalanan dan bilangan pegawai yang terlibat bagi menjalankan tugas rasmi, mengurangkan perbelanjaan berkaitan keraian, menjimatkan penggunaan utiliti serta mengawal perbelanjaan-perbelanjaan lain yang kurang penting.

SOALAN NO : 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN TUAN FONG KUI LUN
DARI PAD A : [BUKIT BINTANG]
TARIKH 8 JUN 2010
SOALAN

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sejauh mana skim menarik kepulangan doktor dan pakar perubatan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar Negara telah berjaya dan mendapat sambutan, apakah Negara tersebut dan jumlah terkini mereka yang melarikan diri dan berada di luar Negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

Semenjak program ini diperkenalkan pada tahun 2001 sehingga Jun 2010, seramai 272 orang Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar warganegara Malaysia telah pulang dan berkhidmat di Malaysia di bawah Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Berkepakaran Yang Bekerja Di Luar Negara Pulang Ke Malaysia.

Kerajaan akan terus berusaha untuk menarik Pegawai Perubatan Warganegara yang berkhidmat di luar negara dan mengekalkan Pegawai Perubatan sedia ada dengan menawarkan insentif-insentif yang menarik. Kementerian Sumber Manusia dan KKM telah bekerjasama dalam melaksanakan Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Berkepakaran Yang Bekerja Di Luar Negara Pulang Ke Malaysia yang telah bermula pada tahun 2001. Antara

insentif-insentif yang ditawarkan oleh KKM di bawah program ini adalah seperti berikut:

- (a) kelonggaran khidmat wajib di bawah Akta Perubatan 1971 kepada Pegawai Perubatan Pakar dan Pegawai Perubatan warganegara Malaysia yang ingin kembali berkhidmat di negara ini dengan syarat:
 - i. berumur 45 tahun dan ke atas (tanpa mengira sama ada mempunyai kepakaran atau tidak); atau
 - ii. mempunyai jenis kepakaran tertentu yang berkurangan di Malaysia yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kelonggaran Khidmat Wajib sahaja; atau
 - iii. untuk berkhidmat dengan universiti-universiti awam atau swasta tempatan sebagai pensyarah atau hospital tentera dengan syarat berkhidmat dengan institusi tersebut selama tidak kurang dari tempoh 3 tahun secara berterusan.

Berkuatkuasa 1 Januari 2010, Kementerian telah melonggarkan lagi syarat pelaksanaan khidmat wajib seperti berikut:

- i. tempoh khidmat wajib dikurangkan daripada 3 tahun kepada 2 tahun kepada mereka yang diberikan pendaftaran penuh pada atau selepas 1 Januari 2010; dan
- ii. Pengamal yang mengikuti pengajian perubatan di luar negara di atas perbelanjaan sendiri jika mempunyai pengalaman klinikal melebihi 10 tahun di luar negara tanpa mengira sama ada memiliki kepakaran atau tidak adalah dikecualikan daripada khidmat wajib.

- (b) Pelantikan terus bagi Pegawai Perubatan / Pegawai Perubatan Pakar secara *Multiple Entry* ke Gred UD43, UD47, UD51 atau UD53;

Soalan No :

PERTANYAAN LIS AN
DARI PADA Y.B. PUAN CHONG ENG
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
(BUKIT MERTAJAM)

TARIKH 08.06.2010

SOALAN:

Y.B. PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan statistik kes gangsterisme di sekolah rendah dan sekolah menengah, termasuk pecahan negeri dan umur dalam tempoh 5 tahun ini serta tindakan Kerajaan menangani masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Definisi gangsterisme di sekolah adalah merujuk kepada murid yang melakukan / salah laku berunsur jenayah seperti pemerasan, ugutan, memukul atau seumpamanya secara terancang. Isu ini sebenarnya diberi perhatian yang serius oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan tindakan tegas telah dan akan dikenakan terhadap mereka yang terlibat. Namun, pada dasarnya KPM tidaklah menghukum semata-mata, malah mereka yang terlibat juga telah diberi peluang untuk berubah iaitu menerusi khidmat kaunseling yang disediakan di sekolah. Mereka yang terlibat adalah murid-murid sekolah menengah yang mana berdasarkan laporan yang diterima KPM, jumlahnya dalam tempoh 5 tahun adalah bagi tahun 2005 (32 orang), 2006 (56 orang), 2007 (49 orang), 2008 (81 orang) dan 2009 (60 orang). Di peringkat sekolah rendah, perlakuan seumpamanya dikategorikan sebagai kenakalan kanak-kanak yang telah diambil tindakan secara dalaman dengan melebatkan ibu bapa mereka, PIBG serta usaha-usaha memberi kesedaran kepada murid terlibat.

Antara tindakan yang telah diambil bagi membendung masalah ini termasuklah;

1. mewujudkan kerjasama erat bersama pihak PDRM khususnya menerusi program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang sering melawat serta berbincang dengan pihak sekolah bagi mengatasi gejala tersebut;
2. melibatkan ibu bapa menerusi PIBG dan masyarakat dalam aktiviti di sekolah;
3. menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) di sekolah iaitu dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). Aktiviti serta jumlah **Kelab Pencegahan Jenayah** (KPJ) di sekolah telah diperkemaskan. Sehingga tahun 2009, sejumlah 7,046 buah KPJ telah berjaya diwujudkan merangkumi 1972 kelab di sekolah menengah dan 5074 kelab di sekolah rendah. Jumlah ahli yang terlibat bagi menggerakkan aktiviti kelab tersebut adalah seramai 313,208 orang iaitu seramai 148,248 orang murid di sekolah menengah dan seramai 164,960 orang di sekolah rendah; dan
4. KPM bersama PDRM dan MCPF, juga telah mengadakan perjumpaan dengan semua murid berisiko di setiap daerah seluruh negara pada tahun 2009. Program ini diteruskan pada tahun 2010. Perbincangan dari hati ke hati telah dilakukan agar murid tersebut memahami peranan mereka dan tidak terjebak dengan salah laku tersebut.

Rjm 07

SOALAN NO. (14)

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' LILAH B IN YASIN (JEMPOL)

TARIKH : 8 JUN 2010(SELASA)

SOALAN :

Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN (JEMPOL) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan

- a) bilakah Kerajaan akan mendirikan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dalam bandar di Bandar Bahau; dan
- b) berapakah bilangan PPR di Bandar Bahau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini tiada projek dibawah Program Perumahan Rakyat (PPR) dilaksanakan ataupun dirancang untuk dilaksanakan di kawasan Bahau, Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri Sembilan boleh mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perumahan Negara, Kementerian

Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-

- (i) Tanah milik Kerajaan atau sekiranya tiada, Kerajaan Negeri boleh mencadangkan tapak bersesuaian di tanah milik;
- (ii) Tapak yang dicadangkan mempunyai kemudahan awam dan asas sedia

ada seperti jalan raya, kemudahan utiliti, sekolah dan sebagainya yang bersesuaian;

- (iii) Tapak yang akan dibangunkan tidak bermasalah dan tidak melibatkan kos penyediaan tapak yang tinggi seperti tapak berpaya, berbukit dan sebagainya;**
- (iv) Tapak yang disediakan berada di lokasi bandar atau pinggir bandar dan mempunyai permintaan tinggi; dan**
- (v) Terdapat keperluan di kawasan yang dicadangkan seperti setinggan dan permohonan di bawah Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT).**

**Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan**

Jun 2010

SOALAN NO: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]

TARIKH 8 JUN 2010

SOALAN:

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kemajuan pelaksanaan Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi, HSBB (*High Speed Broadband*) dan masalah yang dihadapi termasuk kerjasama antara Kerajaan-kerajaan Negeri dalam menyediakan segala tapak termasuk menara telekomunikasi dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) secara usaha sama Kerajaan dengan syarikat Telekom Malaysia Berhad (TM) sedang dilaksanakan seperti yang dirancang. Projek ini merangkumi rangkaian akses (*last mile*), teras dan antarabangsa.

Penyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan Lembah Klang, Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) dan zon-zon ekonomi dan industri utama telah dilaksanakan. Menjelang akhir tahun 2010, sekitar 750,000 premis (*premises passed*) akan disediakan dengan perkhidmatan HSBB. Sehingga akhir Mei 2010, sebanyak 371,956 premis telah disediakan dan perkhidmatan HSBB ini telah ditawarkan secara komersial.

Pemerolehan tapak bagi pembinaan menara dan infrastruktur komunikasi yang lain sememangnya menjadi cabaran dalam penyediaan perkhidmatan komunikasi. Ianya berpunca daripada pelbagai faktor termasuklah:

- i) bantahan masyarakat awam mengenai kesan radiasi terhadap kesihatan;
- ii) proses kelulusan permit yang memakan masa; dan
- iii) kos sewaan tapak yang agak tinggi.

Soalan No : /b

**PEMBERITAHUAN
N PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**
PERTANYAAN **LISA**
N
DARI PADA **Y.B. TUAN MAN IKAVAS AG AM A/L**
 SUNDARAM (KAPAR)
TARIKH **08.06.2010**

SOALAN:

Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR] minta Menteri Pelajaran menyatakan :

- (a) apakah usaha kerajaan bagi membantu menyelesaikan masalah kekurangan guru terlatih di SJK Cina dan SJK Tamil; dan
- (b) apakah langkah yang diambil Kerajaan bagi membantu anak-anak masyarakat India yang bersekolah di sekolah Jenis Kebangsaan Tamil agar berdaya saing dan cemerlang, memandangkan prestasi yang kurang memberangsangkan berbanding sekolah kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Bagi mengatasi kekurangan tenaga pengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina SJK(C) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil SJK(T), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mempromosikan kerjaya perguruan melalui aktiviti pameran, Hari Bertemu Pelanggan dan kempen bagi menarik calon untuk menjadi guru. KPM juga berusaha meletakkan maklumat terkini tentang bidang perguruan dalam laman web KPM bagi menerangkan program-program yang dilaksanakan di semua Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh negara. Di antaranya ialah Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), Kursus Perguruan

Lepas Ijazah (KPLI) dan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM). Selain itu, mulai ambilan Jun 2010 KPM telah membuat unjuran mengikut pelbagai bidang pengajian, termasuk Pengajian Bahasa Cina dan Pengajian Bahasa Tamil. Keadaan ini berbeza dengan unjuran yang ditetapkan sebelum ini, iaitu keperluan tenaga pengajar di SJKC dan SJKT hanya mengikut keperluan bidang Pengajian Bahasa Cina sahaja. Unjuran Ambilan KPLI (sepenuh masa) ambilan Jun 2010 bagi bekalan guru SJKC ialah 638 orang, PISMP Ambilan 2010 ialah 1780 orang serta KPLI mode KDC dan KDPM mode KDC pada tahun 2010 adalah seramai 800 orang. Unjuran ambilan KPLI (sepenuh masa) ambilan 2010 bagi bekalan guru SJKT ialah 450 orang dan PISMP 580 orang.

KPM sentiasa peka dengan usaha untuk membantu anak-anak masyarakat India yang bersekolah di SJKT agar berdaya saing dan cemerlang terutama dalam bidang akademik. Antara langkah yang telah diambil ialah:

- i. Pensyarah di Institut Pendidikan Guru (IPG) dihantar berkursus ke Luar Negara (India) untuk meningkatkan kemahiran pedagogi bagi melaksanakan Pengajaran & Pembelajaran (P&P) yang lebih berkesan kepada guru-guru pelatih di IPG.
- ii. Guru-guru di SJKT mengikuti kursus dalam perkhidmatan yang dikelolakan oleh KPM demi memantapkan tahap profesionalisme untuk pembelajaran dan pengajaran yang lebih berkesan dalam bilik darjah. Ini dapat menarik minat murid agar lebih fokus dan boleh menjana usaha untuk lebih berdaya saing.

SOALAN NO. 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON (BN)

(TANGGA BATU)

TARIKH 8 JUN2010 (SELASA)

SOALAN:

YB Datuk Ir Haji Idris bin Haji Haron (BN) (Tangga Batu) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bidang kuasa Kementerian dalam membela nasib gadis-gadis yang teraniaya kerana terpedaya dan terpengaruh dengan janji-janji manis oleh pekerja asing sehingga mendorong mereka meninggalkan negara dan mengikut pasangan ke negara asal pasangan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius terhadap masalah gadis-gadis yang teraniaya kerana terpedaya dan terpengaruh dengan janji-janji manis oleh pekerja asing sehingga mendorong mereka meninggalkan negara dan mengikut pasangan ke negara asal pasangan. Walau bagaimanapun KPWKM tidak mempunyai kuasa khusus untuk menghalang perkara tersebut daripada berlaku.

Di bawah Akta Kanak-kanak 2001, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab memberi pelindungan, pemeliharaan dan pemulihan bagi kanak-kanak di bawah 18 tahun yang memerlukan perlindungan segera atas permohonan sendiri sekiranya mereka telah kembali semula ke Malaysia. Namun begitu

kemasukan ke institusi JKM (Taman Seri Puteri) merupakan alternatif terakhir bagi remaja yang memerlukan perlindungan dan pemulihan. Semasa menjalani pelindungan dan pemulihan di institusi JKM, remaja tersebut akan diberikan program bimbingan dan kaunseling untuk meningkatkan keyakinan diri supaya mereka bersedia kembali ke pangkuhan masyarakat.

Bagi remaja yang telah terlibat tetapi tidak memerlukan perlindungan di institusi, JKM menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah sebagai usaha untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada mereka supaya tidak melakukan kesilapan yang sama pada masa akan datang. Selain itu, Kementerian melalui JKM turut menjalankan program pencegahan dengan mengadakan aktiviti kemasyarakatan untuk membimbing remaja supaya dapat membendung gejala sosial yang tidak diingini melalui pertubuhan sukarela yang meiibatkan masyarakat setempat dan badan-badan bukan kerajaan (NGO). Ini termasuklah kerjasama yang dijalankan antaranya dengan Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah, Pasukan Perlindungan Kanak-kanak dan Pusat Aktiviti Kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua,

Institusi keluarga khususnya ibu bapa perlu memainkan peranan mereka bagi membendung gejala ini terutama yang melibatkan gadis di bawah umur perkahwinan (iaitu 16 tahun bagi gadis Islam dan 18 tahun untuk bukan Islam). Ibu bapa adalah merupakan mekanisme kawalan yang terdekat dan terbaik untuk mengawasi pergaulan

anak-anak gadis mereka agar tidak terdedah kepada kemungkinan diperdaya oleh pekerja asing supaya masalah ini dapat dicegah di peringkat awal lagi atau dengan izin ‘nip at the bud’. Selain ibu bapa, ahli keluarga, sahabat handai dan anggota masyarakat juga perlu prihatin terhadap isu ini dan perlu turut serta dalam usaha membendung gejala ini daripada berleluasa.

Dalam hal ini, saya ingin menegaskan bahawa tanggungjawab menangani gejala ini selain daripada ibu bapa bukan hanya terletak di bahu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata-mata tetapi juga kerjasama dari pelbagai agensi Kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Imigresen dengan mengetatkan kawalan di pintu-pintu dan kawasan-kawasan persempadanan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan masyarakat umum amat penting dalam usaha mencegah gadis-gadis daripada terpedaya dan terpengaruh dengan janji-janji manis pekerja asing dan meninggalkan negara untuk mengikut pasangan ke negara asal mereka.

Soalan No: 18

DARIPADA PEMBERITAH
UAN
PERTANYAAN
TUAN LIM KIT SIANG (IPOH TIMUR)
DEWAN
PERTANYAA RAKYAT,
LISAN
MALAYSIA
N TARIKH 08.06.2010
SOALAN NO 18
SOALAN NO Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur) minta **PERDANA**
MENTERI menyatakan apakah tindakan yang telah diambil
untuk memastikan bahawa Malaysia tidak akan mengikut jejak langkah
Iceland dan Greece dan menjadi sebuah negara bankrap yang memerlukan
penyelamatan dari masyarakat serantau atau antarabangsa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, hutang negara adalah hutang luar negara yang terdiri daripada hutang luar jangka sederhana dan panjang bagi Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta serta hutang jangka pendek sektor perbankan dan swasta. Peratusan hutang negara kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dari tahun 2004 hingga 2009 kekal terurus dengan purata 34.6% dan pecahannya adalah seperti berikut:

Tahun	Peratus hutang negara kepada KDNK
2004	42.3
2005	37.8
2006	32.1
2007	29.2
2008	31.9
2009	34.3

2. Pada tahun 2009, jumlah hutang negara berkurangan kepada RM233.92 bilion daripada RM236.18 bilion pada tahun 2008 walaupun peratusannya meningkat sedikit. Pengurangan adalah disebabkan bayaran balik bersih hutang jangka sederhana dan panjang oleh Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta yang lebih mengimbangi ambilan bersih yang lebih besar oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK). Kekuahan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS juga menyumbang kepada penurunan hutang luar negara secara keseluruhan. Nisbah khidmat hutang luar negara pada 31 Disember 2009 dianggarkan pada tahap 7.0% mencerminkan kekuahan pendapatan eksport untuk membayar tanggungan hutang. Nisbah rizab antarabangsa kepada hutang luar jangka pendek lebih daripada mencukupi bagi menampung 4.2 kali hutang luar jangka pendek.
3. Kerajaan terus melaksanakan pengurusan hutang luar negeri yang berhemat dan pragmatik untuk memudahkan pelbagai pinjaman luar negeri oleh sektor awam dan sektor swasta, meminimumkan risiko berkaitan obligasi luar negeri yang besar dan kemampuan khidmat bayaran hutang. Bagi sektor swasta, pinjaman luar negeri hanya dibuat jika perlu untuk membiayai aktiviti ekonomi yang produktif yang mampu menjana terimaan tukaran asing untuk membayar balik pinjaman. Langkah-langkah khusus yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan hutang luar negara adalah seperti berikut:
 - (i) dasar semasa Kerajaan ialah mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi. Ini adalah kerana mudah tunai yang tinggi di pasaran domestik dan kos pinjaman yang lebih murah.
 - (ii) bagi menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan di samping memelihara kedudukan imbalan pembayaran, pengurusan hutang luar negari disokong oleh sistem pengawasan dan pemantauan hutang yang menyeluruh. Ini bagi membolehkan pengesanan awal risiko dan kelemahan yang berpunca daripada pendedahan hutang luar negari

- keseluruhan;
- (iii) selaras dengan matlamat konsolidasi kedudukan fiskal secara berperingkat, Bajet 2010 memberi penekanan kepada langkah-langkah untuk menambah baik keberkesanan dan kecekapan pendapatan dan perbelanjaan Kerajaan. Kerajaan sedang mengkaji penstrukturkan sistem subsidi bahan api yang merupakan sebahagian besar dalam perbelanjaan tahunan Kerajaan;
- (iv) bagi mempertahankan kedudukan fiskal yang berterusan tanpa menjaskan matlamat pertumbuhan dan pembangunan yang menyeluruh, Kerajaan juga akan memperhebat program perkongsian sektor awam-swasta (*public-private partnership* program) untuk beberapa projek berimpak tinggi termasuk projek jalur lebar berkelajuan tinggi, koridor pembangunan wilayah dan infrastruktur pengangkutan awam; dan
- (v) untuk memperkuatkan aliran pendapatan, Kerajaan sedang berusaha memperkenalkan cukai barang dan perkhidmatan (*goods and services tax, GST*). Melalui GST, asas pendapatan Kerajaan akan diperluas dan sekaligus lebih terlindung daripada ayunan kitaran harga minyak.
4. Kejayaan Malaysia mengekalkan hutang negara di paras yang terkawal dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar hutang, Malaysia tidak akan mengalami masalah seperti yang berlaku di Greece dan Iceland. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan akan terus dirancang, dipantau dan dikawal dengan baik dan bertanggungjawab. Paras defisit dijangka akan menurun dan paras hutang akan terus terkawal pada jangka masa sederhana dan panjang. Usaha-usaha ini akan membantu memastikan paras hutang dan defisit Kerajaan Persekutuan tidak akan meningkat sehingga menjaskan kemampuan negara membayar balik hutang.

SOALAN NO: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN

TARIKH: 8JUN2010

SOALAN:

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) apakah sasaran jumlah pekerja teknikal berkemahiran tinggi menjelang 2020 sejajar dengan matlamat ekonomi berpendapatan tinggi; dan
- (b) sebarang struktur insentif yang dicadangkan bagi mengelakkan industri menjalankan program modal insan dengan matlamat meningkatkan produktiviti tenaga kerja.

PR-1232-L38429

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut Kajian Semula Rancangan Malaysia Ke-Sembilan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, jumlah pekerja teknikal berkemahiran tinggi perlulah ditingkatkan daripada 3.34 juta orang pada tahun 2010 kepada anggaran 5.18 juta orang pada tahun 2020 yang merupakan 40% daripada keseluruhan guna tenaga negara bagi mencapai ekonomi berpendapatan tinggi.

Bagi mencapai matlamat diatas, Kementerian Sumber Manusia (KSM) adalah diantara Kementerian-Kementerian yang melaksanakan program-program latihan kemahiran

termasuk latihan kemahiran tinggi yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Jabatan Tenaga Manusia (JTM). Mengikut Plan Perancangan Strategik Kementerian Sumber Manusia bagi tempoh 2007 hingga 2010, seramai 400,000 tenaga kerja mahir dan kompeten akan dilatih mengikut keperluan industri. KSM juga mensasarkan pembangunan modal insan berkemahiran, peningkatan pelaksanakan Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) bagi menghasilkan k-pekerja, penglibatan sektor swasta dalam latihan semula pekerja, tambahan bilangan insitusi-insitusi latihan, dan pemberian pinjaman latihan kepada pelatih-pelatih secara meluas.

Tuan Yang Di Pertua,

b) Kerajaan sememangnya menggalakkan industri menjalankan program modal insan dengan matlamat dapat meningkatkan produktiviti tenaga kerja. Ini kerana latihan berterusan di tempat kerja dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Program modal insan oleh industri juga memberi penekanan kepada budaya kerja berpasukan dan semangat setia kawan yang mana ianya boleh mengembangkan daya cipta dan inovasi dalam penghasilan kerja dan produktiviti. Industri-industri juga digalakkan supaya meningkatkan pelaksanaan *Productivity Linked Wage System (PLWS)* supaya pekerja dapat menikmati upah yang setimpal dengan hasil kerja.

Sebagai galakan kepada peserta-peserta / pelatih menyertai latihan kemahiran, Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran telah melaksanakan Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) semenjak tahun 2004 bertujuan menghasilkan k-pekerja yang sentiasa relevan dengan kehendak pasaran. Untuk tujuan ini Kerajaan membayar insentif sebanyak RM300.00 sebulan kepada perantis manakala pihak syarikat kecil dan sederhana mendapat RM200.00 sebulan.

Dengan insentif yang dinyatakan, Kerajaan berharap industri-industri mempertingkatkan program-program modal insan supaya matlamat meningkatkan produktiviti Negara tercapai.

SOALAN NO. 20**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT. MALAYSIA****PERTANYAAN LISAN****DARIPADA YB> Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim****KAWASAN Bayan Baru****TARIKH 8.6.2010 (Selasa)****Dato* Seri Zahrain Mohamed Hashim (Bavan Baru) minta****MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI****menyatakan apakah peranan Kementerian di dalam****mengubah budaya niaga dan anjakan paradigma di kalangan****peniaga-peniaga khususnya Melayu dan Bumiputera, supaya****dapat lebih bersaing dan berketerampilan.****JAWAPAN :**

Untuk makluman YB., bagi mengubah budaya niaga dan anjakan paradigma di kalangan peniaga-peniaga khususnya Melayu dan Bumiputera supaya lebih bersaing dan berketerampilan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) melaksanakan kursus-kursus pembudayaan di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti. Program-program pembudayaan yang dilaksanakan tersebut meliputi:

- i. Program Printis Usahawan;
 - ii. Program Usahawan Muda;
 - iii. Program Pembangunan Usaha Siswa;
 - iv. Kursus Asas Keusahawanan Siswa;
 - v. Latihan Asas Keusahawanan Siswa, Skim Usahawan Siswazah; dan
 - vi. seminar, taklimat keusahawanan.
- Program
dan bicara

Dalam satu dapatan kajian berkaitan pembudayaan usahawan yang dilakukan oleh Institut Pembangunan Keusahawanan, Universiti Utara Malaysia pada 2008 mendapati, bilangan peserta yang menjadi usahawan meningkat kepada 15.2% berbanding 10.8% pada tahun sebelumnya. Sehubungan itu, program-prog ram ini telah berjaya melahirkan usahawan sama ada melalui dengan membuka perniagaan sendiri, menjadi rakan kongsi atau menjalankan perniagaan secara sambilan.

Kementerian ini juga turut memberi penekanan kepada sektor-sektor pembuatan dan sub-sektor perkhidmatan yang berpotensi untuk diterokai seperti produk berasaskan sawit, komponen dan peralatan elektrikal, produk petrokimia, farmaseutikal, peralatan perubatan, panel instrumentasi, produk halal dan logistik. Di samping itu juga, pihak Kementerian turut melaksanakan program-program keusahawanan melalui kerjasama dengan Persatuan/Dewan

Perniagaan dan Perindustrian Bumiputera yang lebih mengetahui kehendak dan keperluan industri serta seterusnya dapat mengubah budaya niaga dan anjakan paradigma di kalangan usahawan Bumiputera.

Program Peningkatan Kualiti Produk dan Perkhldmatan dilaksanakan khusus untuk meningkatkan kualiti produk usahawan Bumiputera untuk bersaing di pasaran domestik dan antarabangsa.

MITI juga turut mengadakan kerjasama strategik dengan agensi teknikal seperti SIRIM Berhad, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi membantu meningkatkan kualiti dan pembangunan produk usahawan Bumiputera. Antara elemen-elemen dalam program ini adalah:

- i. **Peningkatan Kualiti;**
- ii. **Pembungkusan;**
- iii. **Penjenamaan;**
- iv. **Pensijilan Halal MS 1500, HACCP,GMP dan IS09000;**
- v. **Penyelidikan dan Pembangunan;**
- vi. **Peluang Perniagaan;**
- vii. **Pemasaran;**
- viii. **Padanan Perniagaan;**

- ix. Seminar dan bengkel;
- x. Khidmat nasihat; dan
- xi. Program Outreach seperti *Mini showcase Groom Big.*

Sehingga kini, lebih 1,200 usahawan telah memperolehi faedah dari program ini. **Mulai Jun 2010, Program**

Peningkatan Kualiti Produk dan Perkhidmatan akan menggunakan pendekatan baru dengan memperluaskan program ini ke sektor dan bidang-bidang pembuatan dan perkhidmatan lain yang berpotensi:

- ^av. ICT;
- ..ii. Perabot;
- ^{m m m}iii. Logistik;
- iv. Pelancongan;
- v. Industri Halal; dan
- vi. Kosmetik.

Selain daripada bekerjasama dengan dewan perniagaan dan persatuan serta *Government Link Companies (GLCs)*, MITI dan Agensi serta lain-lain agensi Kerajaan akan menyediakan bantuan yang spesifik mengikut keperluan usahawan dalam

usaha meningkatkan daya saing mereka dalam bidang perniagaan umpamanya penyediaan Rancangan Perniagaan, Komunikasi Pengurusan, Pemasaran dan Kewangan.

Soalan No; 21

PERTANYAAN

**PEMBERITAHU
AN**

**PERTANYAAN
TARIKH
DEWAN
RAKYAT
DARIPADA APAN
DI DEWAN
RAKYAT**

SOALAN

SOALAN

**LISA
N**

**YB. WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [
LUBOK ANTU]**

**08.06.2010
(SELASA)**

NO. 21

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan apakah langkah-langkah untuk Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah bekalan air bersih khasnya di pekan dan sekitar Lubok Antu yang sering kali terputus bekalan yang disebabkan paip yang telah uzur dan mesin pam yang sering rosak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk menyelesaikan masalah bekalan air terawat khasnya di pekan dan sekitar Lubok Antu adalah seperti berikut:

- (i) menjalankan projek penggantian paip-paip lama khususnya jenis Asbestos Cement (AC);
- (ii) membaiki segera kerosakan dan menaik taraf sistem pam di Loji Rawatan Air Lubok Antu; dan

- (iii) menjalankan pemeriksaan dan penyelenggaraan berkala ke atas operasi semua loji rawatan air, jaringan paip agihan dan tangki-tangki simpanan untuk mengelakkan gangguan bekalan air.

Di samping itu, kerajaan negeri juga telah mencadangkan pembinaan projek bekalan air bagi kawasan Lubok Antu/Batang Ai dalam tempoh 2010-2012. Cadangan tersebut merangkumi pembinaan punca air mentah baru, loji perawatan air, tangki takungan air, stesen pam pengalak dan kerja-kerja pembinaan paip yang berupaya memenuhi permintaan di kawasan sedia ada dan kawasan-kawasan yang belum mendapat air terawat. Pelaksanaan projek ini akan dibiayai oleh Kementerian Kemajuan Luar Wilayah (KKLW) di bawah program Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Tuan Yang Dipertua,

Dengan pelaksanaan projek-projek bekalan air yang dibiayai oleh Kementerian saya dan juga oleh KKLW di bawah program NKRA, Kerajaan yakin gangguan bekalan air di pekan dan sekitar Lubok Antu dapat dikurangkan.

Soalan No : 2-1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ (SUNGAI SIPUT)

TARIKH 08.06.2010

SOALAN:

] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan murid yang didaftar di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dalam tahun 2009 mengikut bangsa murid.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan murid yang berdaftar di SK, SJKC dan SJKT bagi tahun 2009 mengikut bangsa murid adalah seperti berikut:

SK	I JUJU I MI? Bilangan Melayu	29,944	77,321
	2,227,082		
SJK(C)	52,742	557,722	9,753
SJK(T)	314	30	108,517
JUMLAH	2,280,138	587,696	195,591

* DATA INI SEPERTI PADA 31 JULAI 2009

Rjm 04

SOALAN NO: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. PUAN TAN AH ENG

TARIKH: 8 JUN 2010

SOALAN:

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-

- (a) langkah-langkah yang lebih berkesan untuk mengatasi kekurangan pekerja di bidang tertentu seperti bidang pembinaan dan bidang pemakanan; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk memanjangkan tempoh kedudukan pekerja asing mahir dari tiga tahun hingga lima tahun.

PR-1232-L37573

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedar akan kekurangan pekerja dalam bidang-bidang tertentu seperti bidang pembinaan dan pemakanan. Mengikut rekod dalam portal JobsMalaysia sehingga 31 Mei 2010, bilangan kekosongan aktif yang dilaporkan dalam sektor pembinaan dan pemakanan oleh majikan adalah seramai 18,121 jawatan di bidang pembinaan dan 6,698 jawatan di bidang pemakanan.

Pada umumnya Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mengatasi kekurangan pekerja dalam bidang pembinaan dan pemakanan. Di antara langkah yang diambil bagi

bidang pembinaan adalah menggunakan bahan pasang siap atau *Industrialised Building System (IBS)*. Di samping itu, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan melalui Akademi Binaan Malaysia telah menyediakan pelbagai program pembangunan dan peningkatan kemahiran bagi mewujudkan lebih ramai pekerja binaan di negara ini. Begitu juga dengan program bidang pembinaan oleh institusi latihan kemahiran kerajaan dan swasta yang telah diakreditasi oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), KSM yang mana bagi tempoh 2005 hingga 2009 telah melibatkan seramai 14,636 bilangan pelatih. Sehingga Jun 2010 sebanyak 190 program tahap 1 hingga 5 telah diakreditasikan. JPK mensasarkan pengeluaran pelatih seramai 123,000 orang menjelang tahun 2020. Inisiatif yang dilaksanakan ini dijangka dapat membantu pengisian pekerja dalam bidang pembinaan.

Bagi sektor pemakanan, Kerajaan mengalakkan orang kurang upaya, suri rumah dan pesara secara perseorangan dan berkumpulan menceburi bidang pemakanan yakni untuk membekalkan makanan dimasak (*ready cook food*) kepada pihak hotel dan sebagainya. Mereka juga digalakkan berkerja secara separa masa di hotel dan sebagainya. Kerajaan juga mengalakkan golongan belia menyertai program latihan dalam bidang hospitaliti yang menrangkumi modul *food and beverage* yang dianjurkan Jabatan Tenaga Manusia (JTM). KSM juga melalui JPK telah mengakreditasi 357 program tahap 1 hingga 5 dalam bidang pemakanan. Bilangan pelatih yang telah dilatih dari tahun 2005 hingga 2009 adalah seramai 23,185 orang. JPK mensasarkan seramai 298,664 pelatih dalam bidang penyediaan makanan menjelang tahun 2020. Adalah diharapkan usaha-usaha ini meningkatkan kemahiran yang diperlukan bagi mengisi kekosongan pekerjaan dalam bidang pemakanan.

KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) pula telah melaksanakan Program Penempatan Pekerjaan (3P) di seluruh negara, bertujuan untuk menarik pekerja tempatan yang berminat untuk mengisi kekosongan dan keperluan di industri-industri. Program ini juga memberi peluang kepada majikan yang berdaftar dalam portal JobsMalaysia untuk melaksanakan *walk in interview* bagi mendapatkan pekerja tempatan yang diperlukan untuk memenuhi kekosongan tenaga kerja.

KSM sentiasa berusaha untuk mempromosikan penggunaan portal JobsMalaysia sebagai satu saluran untuk rakyat mencari, memilih dan mendapatkan pekerjaan yang diiklankan oleh pihak industri.

Tuan Yang Di Pertua,

(b) Kerajaan memang prihatin terhadap persoalan yang dibangkitkan ini. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing/ Pendatang Tanpa Izin (JKKPA/PATI) pada 17 Julai 2009, memutuskan pekerja asing dibenarkan bekerja di negara ini untuk tempoh maksima 5 tahun sahaja bagi semua kategori pekerjaan kecuali pembantu rumah.

Kementerian ini berpandangan adalah wajar pekerja asing mahir di negara ini dimaksimumkan tempoh kedudukannya untuk menyumbang kepada peningkatan produktiviti negara. Ini kerana pihak industri telah membuat pelaburan yang besar dalam melatih mereka dan adalah merugikan sekiranya golongan ini tidak digunakan sepenuhnya, sebaliknya kemahiran yang diperolehi akan digunapakai oleh negara asal mereka.

Soalan No: 24

PEMBERITAHU

AN

PERTANYAAN

PERTANYAAN **DEWAN** JAWAB LISAN DR.
DARIPADA **RAKYAT** HIEW KING CHEU

T ARIKH 8 JUN 2010 (SELASA)
SOALAN N0.24

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sama ada Universiti Pertanian di Sabah dapat ditubuhkan dan bilakah boleh dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telahpun menubuhkan Sekolah Pertanian Lestari pada 4 Mei 2006 bertujuan untuk membantu melengkapkan ilmu dan kemahiran masyarakat agar mampu melahirkan modal insan kelas pertama dalam bidang pertanian. Kerajaan yakin Sekolah Pertanian Lestari mampu membantu meningkatkan hasil dan ekonomi pertanian negara berlandaskan tiga prinsip utama iaitu lestari, peka dan berteknologi tinggi. Sekolah ini juga berperanan merangka dan menyalurkan pengetahuan terkini dalam bidang pertanian berdasarkan penyelidikan termaju. Misi utama Sekolah ini adalah menjadi pusat ilmu pertanian yang terunggul dan diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui pembelajaran, penyelidikan, inovasi dan pengembangan pertanian lestari.

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menambah bilangan universiti awam termasuk Universiti Pertanian di Sabah. Sehingga kini terdapat tujuh universiti awam yang menawarkan program pengajian di dalam bidang pertanian. Kerajaan berpendapat bilangan institusi pengajian tinggi sedia ada mampu untuk menampung keperluan pengajian tinggi dan tumpuan harus diberikan kepada peningkatan kualiti

pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan seperti yang digariskan di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

Di samping itu, program bidang Pertanian turut ditawarkan di politeknik iaitu dalam program Sijil dan Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pertanian). Pada masa hadapan, pihak kementerian bercadang untuk menjalankan program Teknologi Agro dan Akuakultur di Politeknik Sandakan apabila kampus tetapnya siap dibina pada tahun 2013.

PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN
DEWAN
RAKYAT

SOALAN NO. 25**PEMBERITAHU PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
KAWASAN	LENGGONG 08.06.2010 (Selasa)

TARIKH

Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH minta
**MENTERI PERDAGANGAN ANT ARABANGSA DAN
INDUSTRI menyatakan**

- (a) data terkini prestasi dan jumlah pelaburan asing dalam negara kita dan perbandingan pelaburan asing di negeri Pulau Pinang, Selangor dan Kedah sekarang berbanding sebelum 2008; dan
- (b) usaha yang dilakukan setakat ini bagi menarik pelaburan asing dan apakah masalah yang menyebabkan pelabur asing melabur dalam negara.

Jawaoan:

Tuan Yang DiPertua,

Bagi tempoh dari Januari hingga Mac 2010. jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilanaan dan

perkhidmatan berkaitan perkilanoan adalah sebanyak RMS.2 bilion di mana RM3.2 bilion (61.5 peratus) merupakan pelaburan lanasung asina (FDD).

Bagi tahun 2009, jumlah FDI yang diterima oleh negeri-negeri berikut adalah:

- Selangor sebanyak RM4.0 bilion;
- Pulau Pinang sebanyak RM1.5 bilion; dan
- Kedah sebanyak RM1.0 bilion.

Secara perbandinaan, jumlah pelaburan asing yang diterima oleh negeri-negeri tersebut pada tahun 2008 dan 2007 pula adalah:

- Selangor sebanyak RM9.0 bilion (2008) dan RM4.2 bilion (2007);
- Pulau Pinang sebanyak RM5.1 bilion (2008) dan RM3.1 bilion (2007); dan
- Kedah sebanyak RM2.3 bilion (2008) dan RM6.1 bilion (2007).

Ingin ditegaskan di sini bahawa usaha mempromosi merupakan usaha yang bersepadu dan meneviruh bagi menggalakkan pelaburan masuk ke Malaysia amnya dan ianya tidak bertumpu kepada neoeri/daerah sahaja.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah dan inisiatif baru bagi menggalakkan kemasukan pelaburan yang akan memudahkan dan menyelesaikan perkhidmatan kepada para pelabur serta meningkatkan imei Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang terpilih di Asia. Antara langkah-langkah yang diambil adalah:

- memperkenalkan pendekatan berfokus ataupun “targeted approach”, dengan izin, dan menangani krisis ekonomi semasa. Sasaran pelaburan asing pada masa ini adalah untuk menarik svarikat-svarikat terkemuka khususnya di dalam sektor-sektor berteknoloai tinggi untuk melabur di Malaysia:
- mewujudkan Perkhidmatan Juru Rundina atau “Special Business Advisors”, dengan izin, yang terdiri daripada personaliti terkemuka di dalam industri-industri yang digalakkan termasuk daripada universiti-universiti dan institusi-institusi penyelidikan luar negara untuk ‘membuka pintu* dan memberi peluang kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) untuk memberi

penjelasan mengenai Malaysia dan peluang serta kelebihan berkenaan proiek pelaburan svarikat di Malaysia:

- mempemiatkan lagi aktiviti promosi pelaburan di mana bagi tahun 2010 sejumlah G misi penaalakan pelaburan telah dan akan dilaksanakan ke Eropah. Amerika Svarikat. China. Jepun. Korea. Singapura. dan India. Misi proiek spesifik juga dianjurkan untuk menarik pelabur-pelabur asing yang berminat untuk melabur di negara ini;
- memudahkan kemasukan pegawai daoang yang menjalankan tugas-tugas di mana rakyat tempatan tidak memiliki kepakaran yang diperlukan oleh syarikat. Ini akan mempercepatkan aktiviti pemindahan teknologi kepada rakvat tempatan:
- memastikan ketelusan dasar-dasar Keraiaan. peraturan dan prosedur pentadbiran yang berhubung kait dengan keputusan membuat pelaburan: dan
- memastikan sistem penvampaian vang efisien termasuk kualiti perkhidmatan yang ditawarkan yang bersifat memudahcara dan pantas.

Tuan Yang DiPertua,

Antara isu-isu yang dibanakitkan oleh para pelabur dalam membuat keputusan pelaburan ialah keperluan tenaga kerja mahir tempatan, infrastruktur ICT terkini, serta jaminan keselamatan dan penauatkuasaan undana-undana yang baik. Kerajaan sedang megambil tindakan sewajarnya ke atas isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak pelabur. Antara penambahbaikan yang telah dilakukan adalah memendekkan proses kelulusan pegawai daoang kepada hanya satu hari bermula daripada 3 Mei 2010 bagi permohonan yang lengkap. Isu berkaitan kekuranaan tenaga mahir pula telah dibincangkan secara teliti di dalam mesvuarat Jawatankuasa Kabinet Menjenai Modal Insan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri sendiri.

Selain itu, Kerajaan turut memperkenalkan penambahbaikan melalui pelaksanaan Bidano Keberhasilan Utama Nasional (NKRA). Langkah-langkah dan strategi-strategi sedang dan akan diambil bagi memastikan NKRA tercapai dan memastikan Malaysia menjadi destinasi pilihan untuk pelaburan.

Dengan usaha-usaha yang dijalankan dan penambahbaikan yang berterusan serta komitmen Kerajaan untuk memperbaiki suasana pelaburan di Malaysia, Kerajaan menjangka akan dapat mencapai sasaran nisbah pelaburan FDI dan domestik sebanyak 50:50.

HO ;

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KUALA LANGAT)
TARIKH	08.06.2010 (SELASA)
NO. SOALAN	26

TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KUALA LANGAT) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan pada 14 April 2010, Kerajaan telah mengumumkan tiada kenaikan harga minyak buat masa sekarang. Adakah Kerajaan bercadang bagi menaikkan harga minyak sedangkan harga minyak dunia masih stabil.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti Ahli Dewan sedia maklum, pada 27 Mei 2010, Datuk Seri Idris Jala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri melalui Hari Terbuka Makmal Rasionalisasi Subsidi telah membentangkan cadangan pemansuhan subsidi Kerajaan

termasuklah subsidi bagi bahan api. Berdasarkan kepada pembentangan tersebut, anggaran tanggungan subsidi bagi bahan api adalah berjumlah RM23.05 billion dan didapati ia tidak mencapai golongan sasaran.

Tuan Yang Dipertua,

Harga dunia produk petroleum adalah sentiasa berubah-ubah dan adalah tidak dapat dinafikan bahawa ia masih stabil. Walau bagaimanapun, kadar subsidi bagi bulan April 2010 untuk produk petrol RON95 adalah 43.38 sen seliter dan diberikan pengecualian cukai penuh sebanyak 58.62 sen seliter. Manakala bagi diesel, kadar subdidi adalah sebanyak 47.07 sen seliter dan diberikan pengecualian cukai penuh sebanyak 40 sen seliter. Oleh yang demikian, bagi mengurangkan tanggungan subsidi, maka kenaikan harga dilihat sebagai satu tindakan tidak popular yang terpaksa diambil oleh pihak Kerajaan. Namun demikian, secara relatifnya ia adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan negara jiran.

0i6h itli, TTiBksniSmB bSfu uSiSm pGmbGnsn SlibSidi hSfUS dnsksansksn untuk memastikan harga bagi produk petroleum di Malaysia menggambarkan keadaan semasa harga minyak dunia.

SOALAN NO : 27

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
DEWAN RAKYAT
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : TUAN DING KUONG HUNG [

TARIKH SARIKEI]
 8 JUN 2010

SOALAN

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

- (a) bilakah Kementerian akan menyelesaikan masalah kekurangan doktor pakar yang dihadapi di Hospital Sarikei khasnya bidang sakit puan dan pembedahan; dan
- (b) apakah program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk menghadapi masalah kekurangan doktor di negara ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian telah mengambil langkah untuk menangani masalah kekurangan Pegawai Perubatan Pakar Residen di Hospital Sarikei di mana Perkhidmatan kepakaran Perubatan, Orthopedik, Pediatric, Oftalmologi, Orthorinolaringologi Dan Psikiatri di hospital ini disediakan melalui lawatan pakar secara berkala. Pegawai Perubatan Pakar dari Hospital Sibu akan membuat lawatan secara bergilir untuk merawat pesakit di hospital tersebut. Manakala perkhidmatan pakar pembedahan diberikan secara berkala oleh pakar bedah swasta dari Sibu.

Untuk makluman, perkhidmatan Sakit Puan dan Perbidanan bagi kes-kes biasa di Hospital Sarikei diberikan oleh Pegawai Perubatan yang terlatih di bidang berkenaan. Bagi kes-kes kompleks yang memerlukan perkhidmatan segera dari Pegawai Perubatan Pakar, mereka akan dirujuk terus ke Hospital Sibu atau Hospital Umum Sarawak.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah berusaha untuk mengatasi masalah ini dengan meningkatkan kapasiti pengeluaran graduan dalam bidang perubatan. Hal ini telah menunjukkan perkembangan positif di mana terdapat peningkatan ketara bilangan graduan perubatan yang dihasilkan oleh IPTA, IPTS dan IPT daripada luar negara. Sebagai contoh, dalam tahun 2006, jumlah graduan perubatan yang dihasilkan adalah seramai 1,124 orang dan jumlah ini telah meningkat kepada lebih 3,000 orang dalam tahun 2009.

Kerajaan juga mendapatkan khidmat kepakaran Pegawai Perubatan Warganegara yang telah bersara wajib dan Pegawai Perubatan bukan warganegara secara kontrak. Sehingga 6 Mei 2010, terdapat seramai 732 orang Pegawai Perubatan dilantik secara kontrak untuk berkhidmat di KKM.

Selain daripada itu, Kerajaan turut mengambil inisiatif dengan menambah bilangan tempat bagi Pegawai Perubatan melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana / Kepakaran daripada 450 tempat kepada 600 tempat setahun bermula tahun 2008.

Lisan **SOALAN NO:**
PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN **Tuan**
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT **Mohsin**
Fadzli bin

PERTANYAAN **Haji Samsuri [Bagan Serai]**
DARIPADA **8 Jun 2010 (Selasa)**
TARIKH **Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan**
SOALAN **Serai] minta MENTERI PERTANIAN DAN**
INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan

- (a) status projek ikan Arowana di Bukit Merah, Perak. Berapakah keluasannya serta nyatakan bilangan pengusahanya; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian menangani krisis air kesan dari aktiviti tersebut.

Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri
Jawapan
Asas
Tani,

Tuan Yang DiPertua,

- a) Sehingga bulan Mac 2010, seramai 70 pengusaha arowana telah beroperasi di Bukit Merah dengan 4,024 buah kolam telah dibina di atas tanah seluas 135.71 hektar. Jumlah pelaburan perusahaan penternakan ikan arowana tersebut adalah dianggarkan bernilai RM402.4 juta.
- b) Bagi menangani krisis air daripada aktiviti penternakan arowana di Bukit Merah khususnya semasa musim kemarau, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi Jabatan Perikanan Malaysia telah bercadang untuk mengezonkan kawasan Zon Industri Arowana seluas 182.1 hektar. Proses pengezonan tanah tersebut kini sedang dalam pertimbangan Pejabat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri. Sekiranya pengezonan tersebut diluluskan, hanya kawasan yang telah dizonkan sahaja dibenarkan untuk menggunakan air yang disalurkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran.

Soalan No: 29

PEMBERITAHU

AN

PERTANYAAN

DEWAN

PERTANYAAN RAKYAT JAWAB LISAN

**DARIPADA TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID
BIN SYED JAAFAR ALBAR**

TARIKH 8 JUN 2010

SOALAN (SELASA) NO.29

Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan adakah benar di kalangan IPTS dan IPTA graduan dari Universiti Tunku Abdul Rahman didapati lebih mudah diserapkan dalam pasaran tenaga kerja dan tidak ada graduan menganggur di kalangan mereka. Kalau benar mengapa tidak menggunakan kejayaan ini sebagai contoh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar graduan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) lebih mudah diserapkan ke dalam pasaran pekerjaan berbanding IPTA dan IPTS yang lain. Keputusan Kajian Pengesahan Graduan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) atau *Tracer Study* tahun 2009 bagi graduan ijazah pertama UTAR menunjukkan 49.7% graduan telah bekerja, 4.6% melanjutkan pengajian, 1.5% meningkatkan kemahiran, 6.1% menunggu penempatan pekerjaan dan 38% belum bekerja. Peratusan graduan UTAR yang bekerja adalah tidak jauh berbeza dengan purata peratusan graduan bekerja bagi 20 IPTA iaitu 47.6%. Malah terdapat beberapa IPTA dan IPTS yang mencatatkan peratusan lebih tinggi berbanding UTAR, umpamanya UiTM (58.6%), UIAM (55.5%), UUM (55.5%), UPM (54.6%), UMP (51.2%), UCSI (68.5%), Swinburne (62.5%) dan UNITEN (57.7%).

Bagi melahirkan graduan berkualiti yang memenuhi kehendak pasaran dan membantu graduan mendapat pekerjaan serta menggalakan graduan menceburi bidang keusahawanan, kementerian telah melaksanakan beberapa usaha, antaranya ialah:

- i. membangunkan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*soft skills*) dan Modul Asas Pembudayaan Keusahawanan yang diajar di semua IPTA;
- ii. menjalankan Program Pentauliahan Profesional (3P) untuk pelajar tahun akhir bidang teknologi maklumat dan komunikasi dengan menganugerahkan *vendor-based certification* daripada syarikat-syarikat perisian komputerterkenal;
- iii. membantu siswazah yang telah tamat pengajian untuk mengikuti program latihan khusus dengan kerjasama *Government Link Company* (GLC) dan pihak industri seperti Khazanah Nasional Berhad, *Multimedia Development Corporation* (MDEC), Bank Negara Malaysia (BNM), *SME Corporation*, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan beberapa syarikat tempatan lain;
- iv. menjalankan Program Penjodohan (*Matching*) Siswazah dengan Industri melalui kerjasama dengan syarikat tempatan yang mencari dan menempatkan para siswazah di industri yang bersesuaian;
- v. menyediakan peruntukan khas untuk Program Latihan Industri dan Employabiliti;
- vi. menganjurkan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan (K3G) yang mengintegrasikan dan menggembungkan peluang kerjaya dan keusahawanan di kalangan graduan yang melebarkan agensi kerajaan dan swasta; dan
- vii. menganjurkan program-program khas keusahawanan dengan kerjasama agensi yang berkaitan seperti SME Bank, *SME Corporation*, MARA dan PUNB bagi memberi bimbingan awal dan *coaching* yang berterusan kepada graduan dalam bidang keusahawanan.

SOALAN NO.**30 PEMBERITAHU PERTANYAAN**

PEMBERITAHU
AN DEWAN RAKYAT. MALAYSIA
PERTANYAAN

DEWAN

RAKYAT : LISAN
PERTANYAAN :
DARIPADA : YB. PUAN TERESA KOKSUH SIM
KAWASAN ; SEPUTEH
TARIKH : 08.06.2010 (SELASA)

YB. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta
MENTERI PERDAGANGAN ANT ARABANGSA DAN
INDUSTRI menyatakan bilangan AP untuk mengimport
kereta yang dikeluarkan oleh Kerajaan dalam tahun
2005, 2006, 2007, 2008 dan suku tahun pertama 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah Lesen Import (AP) kenderaan (AP Terbuka dan
AP Francais) yang telah dikeluarkan kepada svarikat-

svarikat pemeana AP adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah AP Keluar (unit)
2005	57,267
2006	38,545
2007	27,838
2008	40,886
2009	33,492

Bagi suku tahun pertama 2010 (iaitu sehingga 25 Mei 2010), jumlah AP kenderaan yang telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat pemegang AP adalah sebanyak 18,320 unit

NO. SOALAN

PERTANYAAN :31 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
DARIPADA : JAWAB LISAN : Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN [TAN
TARIKH JONG MALIM] : 8 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil kajian Kerajaan ke atas cadangan mengurangkan bayaran kadar tol di lebuhraya-lebuhraya yang dibina oleh syarikat swasta . Berapakah jumlah bayaran pampasan yang telah dibayar setakat ini kepada syarikat konsesi akibat daripada tindakan Kerajaan mengurangkan kadar kenaikan tol. Adakah Kerajaan berhasrat untuk mengambil alih lebuhraya-lebuhraya tersebut dari syarikat konsesi bagi mengurangkan beban pampasan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan.

JAWAPAN:

Kerajaan telah bersetuju untuk menangguhkan hasil keputusan kajian sehingga laporan kajian tersebut disemak dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Pemandu bagi Makmal Rasionalisasi Subsidi. Oleh yang demikian, keputusan hasil kajian lebuhraya bertol tersebut akan diumumkan serentak dengan kajian menyeluruh bagi Makmal Rasionalisasi Subsidi. Selain itu, Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil alih lebuhraya-lebuhraya tersebut daripada syarikat konsesi sebaliknya akan terus menghormati di samping menambah baik terma dan syarat-syarat perjanjian konsesi berkaitan. Dalam hubungan ini, jumlah bayaran pampasan yang telah dibayar akan hanya dapat diketahui setelah keputusan Makmal Rasionalisasi Subsidi ke atas impak implikasi kewangan Kerajaan dalam melaksanakan obligasinya di bawah perjanjian konsesi diketahui.

NO SOALAN : 32

PEMBERITAHU PERTANYAAN

PERTANYAAN

DARIPADA

DEWAN RAKYAT

LISAN

TARIKH

YB. PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)

08.06.2010

(SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengapakah kejadian pelatih PLKN yang mengandung dan melahirkan bayi di tandas kem boleh berlaku tanpa pengetahuan jurulatih. Bagaimanakah Kementerian ini memastikan kejadian yang meletakkan kesihatan pelatih mengandung di dalam risiko tinggi ini daripada berulang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semua remaja yang terpilih menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dikehendaki mengisi borang Perakuan Kesihatan bagi mengesahkan tahap kesihatan pelatih termasuk perakuan mengandung bagi bakal pelatih wanita sebelum mengikuti latihan di Kem PLKN. Di samping perkara tersebut pelatih juga diwajibkan mengisyihar dan memaklumkan sejarah kesihatan di borang Perakuan Kesihatan jika ada. Kem Komandan bersama Penolong Pegawai Perubatan di kem berkaitan akan menyemak borang tersebut dan membawa pelatih yang mempunyai sejarah kesihatan yang diragui ke hospital atau menjemput doktor untuk pemeriksaan selanjutnya.

Bagi kes pelatih yang melahirkan bayi di kem PLKN Wawasan, Papar, Sabah, pelatih berkenaan telah mengisyiharkan bahawa beliau tidak mengandung dan tidak mempunyai masalah kesihatan dalam borang Perakuan Kesihatan. Oleh itu, Kem Komandan beranggapan bahawa pelatih ini sihat dan layak untuk mengikuti PLKN.

Untuk makluman YB Batu Gajah, tidak kelihatan perubahan bentuk fizikal badan yang menunjukkan pelatih tersebut telah mengandung kerana saiz pelatih yang agak gempal. Bukan sahaja Komandan Kem dan jurulatih tidak menyedari perubahan ini, malah rakan sebiliknya juga tidak menyedari bahawa pelatih ini mengandung. Di samping itu, pelatih ini telah berjaya mengikuti kesemua latihan

fizikal di kem tersebut tanpa sebarang masalah.

Bagi memastikan perkara ini tidak berulang, semua bakal pelatih wanita dikehendaki mengisi borang Perakuan Kesihatan secara jujur menyatakan dengan jelas beliau tidak mengandung dan diperakukan oleh ibu bapa atau penjaga pelatih sebelum mengikuti PLKN.

NO. SOALAN: 33

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DARIPADA DEWAN RAKYAT
TARIKH DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] 8 JUN
2010

SOALAN :

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah strategik dalam mengenal pasti elemen-elemen yang boleh mentransformasikan rakyat daripada berpendapatan sederhana kepada berpendapatan tinggi selaras dengan hasrat Model Ekonomi Baru (MEB).

JAWAPAN:

Kesemua lapan Inisiatif Pembaharuan Strategik (IPS) yang diperkenalkan dalam Model Baru Ekonomi adalah menjurus kepada antaranya peningkatan pendapatan. Cadangan ini akan melahirkan pekerja mahir dan berkualiti yang boleh diambil bekerja oleh industri yang bersaing di pasaran global serta dibantu oleh peraturan dan dasar sektor awam yang memudahkan.

NO.SOALAN : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA :	Y.B. Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
TARIKH	7 APRIL 2010

SOALAN:

Y.B. Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka) meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kedudukan projek membaik pulih, menaik taraf, mengubahsuai dan bina baru bangunan Parlimen Malaysia dengan butir-butir kerja-kerja yang akan dilaksanakan, jumlah kos terlibat, tarikh kerja dimulakan dan bilakah projek ini akan dapat siap dibina keseluruhannya.

JAWAPAN: YB DAT O' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Terdapat cadangan untuk membina sebuah Kompleks Parlimen yang baru di dalam kawasan yang sedia ada. Pembinaan Kompleks Parlimen yang baru adalah bertujuan memenuhi keperluan Parlimen Malaysia di masa akan datang dengan mengambil kira aspek keselesaan, keperluan, kemudahan dan pertambahan bilangan ahli Parlimen.

Kerja-kerja membaik pulih, menaik taraf dan mengubahsuai bangunan Parlimen sedia ada pula adalah bagi membaik pulih struktur bangunan dan mengganti

sistem mekanikal dan elektrik yang telah uzur. Cadangan ini telah di bawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri untuk pertimbangan. Baru-baru ini, Jemaah Menteri telah memutuskan agar bangunan Parlimen yang baru dibina di Putrajaya manakala bangunan Parlimen yang lama akan dibaik pulih dan dikekalkan sebagai bangunan warisan. Walaubagaimanapun, butiran lanjut mengenainya masih dalam peringkat kajian oleh JKR.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 1>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN LIANG TECK MENG
 [SIMPANG RENGGAM]**

TARIKH 8 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta PERDANA
MENTERI menyatakan jumlah kes permohonan dan bilangan lesen
teksi yang diluluskan pada tahun 2007, 2008, dan 2009 mengikut kaum.**

DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
JAWAPAN

MENTERI DI JABATAN

PERDANA MENTERI Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2007 hingga tahun

2009 sebanyak 11,032 permohonan baru teksi telah diterima di Semenanjung Malaysia iaitu 266 permohonan pada tahun 2007, 5,508 permohonan pada tahun 2008 dan 5,258 permohonan pada tahun 2009. Daripada jumlah tersebut, 6,359 (58%) permohonan daripada Bumiputera, 1,901 (17%) permohonan daripada kaum Cina, 2,612 (24%) permohonan dari kaum India dan 160 (1%) permohonan dari lain-lain kaum.

Pada tempoh yang sama, sebanyak 7,237 lesen teksi telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut 4,348 (60%) lesen diluluskan kepada pemohon Bumiputera, 1,197 (17%) lesen kepada kaum Cina, 1,581 (22%) lesen kepada kaum India dan 111 (2%) lesen

kepada lain-lain kaum.

NO. AUM : 25

NO. AUP : *gb*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

DARIPADA 8 JUN 2010

TARIKH 2680

SOALAN

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai Benjy Azean Irdawaty yang telah ditahan di bawah Akta Dadah Merbahaya Seksyen 39B. Difahamkan dua kali pihak polis ke rumahnya dan mendapat banyak bahan bukti, beliau kemudiannya dibawa ke satu Pusat Pemulihan Dadah. Apakah tindakan Kementerian mengenai perkara tersebut.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Sik yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Beny ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan mengedara dadah dibawah Sek. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Selepas selesai siasatan, kertas siasatan telah di kembalikan kepada Timbalan Pendakwaraya untuk tindakan selanjutnya. Walaubagaimanapun, Timbalan Pendakwaraya memutuskan beliau di tuduh di bawah Sek. 12(2) dan Sek. 15(1)(a) Akta sama.

Tuan Yang Dipertua,

Penahanan beliau di Pusat Pemulihan Akhlak di Muar, Johor untuk tempoh selama 2 tahun adalah bertujuan untuk mencegah beliau dari mengulangi aktiviti tersebut di samping menjalani pemulihan di pusat berkenaan.

Soalan No: 37

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA
[PARIT - BN]
TARIKH : 8 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN NO. 37

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit - BN] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan langkah-langkah lain bagi mengelakkan mercun dibawa masuk semasa perlawanan bola sepak seperti mewujudkan mesin pengimbas di setiap pintu masuk bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berulang.

TAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Perbadanan Stadium Merdeka (PSM) telah mempertingkatkan dan menambahkan bilangan anggota keselamatan untuk berkawal semasa perlawanan bola sepak. Di samping itu, pihak PSM juga telah merangka beberapa strategi baru yang akan dilaksanakan di bawah RMKe-10 untuk menaik taraf dan meningkatkan lagi sistem kawalan penonton di stadium terutamanya semasa perlawanan bola sepak. Ia bertujuan bagi menghalang penonton-penonton membawa barang-barang berbahaya seperti mercun, botol dan senjata tajam ke dalam stadium. Strategi yang akan dilaksanakan antara lainnya adalah:

- (i) membina terowong khas untuk laluan masuk penonton bagi memudahkan pemeriksaan secara berperingkat;
- (ii) membina pagar tembok bagi menggantikan pagar sedia ada untuk menghalang penonton-penonton menyeludup barang-barang berbahaya;
- (iii) memperbanyak pemasangan CCTV di pintu-pintu masuk serta di dalam stadium; dan
- (iv) memasang alat pengimbas di pintu-pintu masuk penonton bagi mengesan barang-barang berbahaya seperti mercun dan senjata yang dibawa masuk

ke dalam stadium.

**PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN
DEWAN
RAKYAT,
DARIPADA TUAU HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
MALAYSIA (BACHOK)**

Soalan No: 38

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 08.06.2010

SOALAN NO 38

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa (Bachok) minta Menteri Kewangan menyatakan pendirian Kerajaan berhubung agensi Kerajaan yang melibatkan kepentingan umat Islam di Malaysia melabur dalam syarikat arak dan judi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di- Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan yang dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan adalah ditentukan oleh Panel Pelaburan masing-masing dengan mengambil kira objektif, strategi serta pengurusan risiko pelaburan yang berhemat. Kerajaan tidak terlibat dalam menentukan pelaburan yang dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan. Walau bagaimanapun, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak instrumen pelaburan berasaskan Syariah diwujudkan di pasaran supaya agensi-agensi mempunyai peluang yang lebih luas untuk melabur dalam produk-produk Syariah bagi memenuhi dana pelaburan agensi-agensi yang semakin meningkat.

NO. AUM : 47

NO. AUP : 7^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**
**PERTANYAAN LISA
N**
DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH]

8 JUN 2010

DARIPADA 2683

TARIKH SOALAN:

RUJUKAN

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sebab
kenapa tiada penyertaan wanita dalam lapan orang jawatan kuasa
khas yang ditubuhkan untuk menyiasat kes penembakan
Aminulrasyid Amzah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Alor Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pemilihan anggota panel khas dibuat berdasarkan beberapa kriteria seperti penglibatan calon-calon di dalam bidang-bidang tertentu seperti bidang kepolisan, undang-undang dan hak asasi manusia. Selain itu, disebabkan oleh jangka waktu yang singkat, Kementerian terpaksa membuat tindakan pantas untuk mengenalpasti calon-calon yang yang terkemuka dan mempunyai pencapaian yang cemerlang dalam bidang-bidang yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua,

Cadangan Yang Berhormat untuk memasukkan kaum wanita bagi menganggotai mana-mana panel atau suruhanjaya atau jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menyiasat mana-mana kes yang menjadi perhatian rakyat dan berkepentingan umum akan dipertimbangkan di masa akan datang.

NO SOALAN : 40

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA	TUAN GWO-BURNE LOH
	(KELANAJAYA)
TARIKH	08.6.10
	(SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap projek frigat "FFG 112" yang dicadang oleh Boustead Naval Shipyard. Apakah kesusahan dan kebaikan menggunakan NGPV untuk dibangunkan sebagai Frigat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak pernah menerima sebarang cadangan projek frigat "FFG 112" dari Boustead Naval Shipyard dan Kementerian juga tidak menyenaraikan projek frigat untuk perolehan dalam RMK-10.

Kapal Peronda Generasi Baru (NGPV) sedia ada boleh ditingkatkan keupayaan berdasarkan konsep *fitted for but not with* kapal tersebut. Cabaran yang paling utama peningkatan NGPV adalah kemampuan peruntukan kewangan oleh kerajaan.

Sekiranya berjaya, NGPV akan berkeupayaan menyamai frigat untuk menangani peperangan 3 dimensi iaitu permukaan, udara dan bawah permukaan.

SOALAN NO:

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA PERTANYAAN : LISAN
Datuk Tiong Thai King [Lanang]**

TARIKH 8 Jun 2010 (Selasa)

**SOALAN Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan**

- (a) bagaimana Kementerian memantau dan menyelia nelayan-nelayan untuk mengelakkan penangkapan ikan yang tidak terkawal; dan
- (b) adakah negara kita akan mengikut jejak negara-negara maju dengan menggariskan langkah-langkah seperti nelayan hanya dibenarkan menangkap ikan yang telah mencapai saiz tertentu dan kegiatan penangkapan diharamkan pada musim pembiakan.

**Jawapan
Asas**

**Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri
Tani**

Tuan Yang DiPertua,

- a) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia menjalankan pemantauan aktiviti perikanan di perairan negara dengan kerjasama agensi-agensi Penguatkuasa Maritim yang terdiri daripada Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Polis Marin dan Tentera Laut Diraja Malaysia.

Agensi-agensi tersebut juga mempunyai bidang kuasa untuk menangkap mana-mana nelayan yang melakukan kesalahan di bawah undang-undang Akta Perikanan 1985 seperti penggunaan peralatan menangkap ikan tidak mesra sumber dan penangkapan ikan di kawasan terlarang.

Bagi pengawalan aktiviti penangkapan ikan, Jabatan Perikanan Malaysia mewajibkan semua vesel mempunyai lesen menangkap ikan. Lesen vesel perikanan dikeluarkan mengikut zon penangkapan ikan yang ditetapkan dan berdasarkan *Gross Registered Tonnage* vesel.

Selain itu, Jabatan Perikanan Malaysia turut memperkenalkan Sistem Pemantauan Vesel (*Vessel Monitoring System - VMS*) untuk menguruskan sumber perikanan negara. Sistem ini menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi satelit untuk mengesan vesel penangkapan ikan. Vesel menangkap ikan dipasang “*Vessel Tracking Unit*” (VTU) agar Jabatan Perikanan dapat mengesan kedudukan vesel tersebut dari *Global Positioning System* (GPS). Penggunaan

VTU ini akan memberi faedah kepada nelayan dari segi keselamatan dan dalam masa yang sama pihak berkuasa dapat memantau pergerakan vesel- vesel perikanan serta mengawal selia zon-zon perikanan dengan lebih berkesan.

Bagi memastikan pengurusan sumber perikanan tangkapan yang mampan, Malaysia juga tertakluk kepada beberapa instrumen antarabangsa sama ada sebagai signatori ataupun secara sukarela yang memerlukan komitmen negara. Di antara instrumen penting termasuk:

- (i) *Food and Agriculture Organization (FAO) Code of Conduct for Responsible Fisheries (CCRF) 1995;*
- (ii) *FAO International Plan of Action (IPOA) for the Management of Fishing Capacity 1999; dan*
- (iii) *FAO International Plan of Action to Prevent, Deter and Eliminate Illegal, Unreported and Unregulated Fishing (IPOA-IUU) 2001.*

b) Sumber perikanan laut negara terdiri daripada pelbagai spesies ikan yang mempunyai saiz yang berbeza di kawasan yang sama. Keadaan ini menyulitkan penggunaan peralatan menangkap ikan untuk menangkap spesies ikan yang spesifik.

Di negara-negara maju khususnya di negara beriklim sejuk ikan-ikan wujud sebagai ‘*single species*’ seperti ikan kod, *trout*, salmon dan lain-lain lagi yang mana penangkapannya boleh dilakukan dengan menggunakan peralatan menangkap ikan yang khusus dan di musim-musim tertentu. Walau bagaimanapun, penggunaan peralatan penangkapan ikan yang spesifik bagi melindungi sumber sukar

dilaksanakan kerana Malaysia adalah negara beriklim khatulistiwa dimana wujud pelbagai spesies dan saiz pada satu masa.

Namun begitu, Malaysia tidak ketinggalan dalam memastikan pengurusan sumber yang mampan. Di antara usaha yang dijalankan ialah menggalakkan penggunaan mata pukat bersaiz 38 milimeter dan *Juvenile Turtle Exclusion Device* (JTED), pembinaan tukun tiruan sebagai tempat pembiakan ikan dan penghalang pencerobohan pukat tunda serta penglibatan penduduk kawasan persisiran pantai dan keluarga nelayan dalam pemeliharaan sumber perikanan melalui Program Komuniti Pengurusan Sumber Perikanan.

NO. AUM : 54

NO. AUP :

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH 8 JUN 2010

RUJUKAN 2685

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakrl] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) bilangan kes penculikan serta mangsa yang terbunuh dari tahun 2000 hingga hari ini; dan
- (b) berapakah kes yang telah berjaya dibanteras dan senaraikan bilangan penculik yang telah dihukum di **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN** makluman rakyat jenis hukumannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bakri yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), bilangan kes penculikan dari tahun 2000 **hingga Mac** 2010 adalah sebanyak 212 kes dan jumlah mangsa yang terlibat adalah seramai 235 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 19 orang mangsa telah disahkan terbunuh/mati.

Bagi menjawab soalan (b) pula, dalam tempoh yang sama sebanyak 137 kes telah berjaya diselesaikan manakala bilangan penculik yang telah dikenakan hukuman mengikut Akta Culik 1961 dari tahun 2000 hingga 24 Mei 2010 adalah seperti berikut:-

Bil .	Bentuk Hukuman	Jumlah (orang)
1	Penjara Seumur Hidup	6
2	Penjara 8 tahun dan 2 sebatan rotan	1
3	Penjara 6 tahun dan 2 sebatan rotan	3
4	Penjara 24 bulan dan 1 tahun Perhatian Polis	1
	Jumlah	11

NO. AUM : 53

NO. AUP : /

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [KULAI]
TARIKH	8 JUN 2010
RUJUKAN	2684

SOALAN:

Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan sedia menimbang untuk memudahkan permohonan kewarganegaraan kategori pemastautin yang memiliki kad pengenalan merah lebih daripada 12 tahun dan mempunyai keluarga terdekat supaya diberi kelulusan khas tanpa melalui proses birokrasi serta tempoh pemprosesan yang lama sehingga 2 tahun atau lebih.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kulai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pemberian taraf kewarganegaraan Malaysia adalah diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan merupakan satu anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia yang diberikan kepada warganegara asing dan bukan merupakan satu hak yang boleh dituntut oleh mana-mana individu. Oleh yang demikian, Kementerian Dalam Negeri hanva akan menimbalqkan permohonan-permohonan vang telah memenuhi svarat-svarat vang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Dalam Negeri sedia maklum akan keresahan pemohon-pemohon taraf kewarganegaraan Malaysia yang terpaksa menunggu untuk tempoh yang lama sebelum sesuatu permohonan itu dipertimbangkan. Atas kesedaran itu, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil beberapa langkah yang drastik di dalam usaha untuk memastikan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia diproses dan dikeluarkan keputusan dalam satu tempoh yang lebih

sesuai dan praktikal kepada pemohon. Antara langkah-langkah drastik yang telah diambil ialah:

- Pertamanya - Bermula dari permohonan yang diterima dari tahun 2010, Kementerian Dalam Negeri telah menetapkan **Piagam Pelanggan bagi mengeluarkan keputusan permohonan taraf kewarganegaraan tidak melebihi dua tahun** dari tarikh permohonan lengkap diterima di Jabatan Pendaftaran Negara;
- Kedua - Menubuhkan Jawatankuasa *Taskforce* yang melibatkan pertambahan pegawai dan kakitangan seramai 60 orang pada tahun 2009. Jawatankuasa *Task Force* ini telah berjaya menyelesaikan kesemua permohonan yang tertunggak dari tahun 1997 sehingga tahun 2006 berjumlah 32,927; dan
- Ketiga - Pegawai dan kakitangan juga diarahkan untuk membuat kerja-kerja lebih masa sehingga waktu malam dan hujung minggu untuk memastikan semua permohonan dapat diproses mengikut masa yang ditetapkan.

Di samping itu, Kerajaan terus berusaha untuk meningkatkan sistem penyampaian bagi mengatasi karenah birokrasi tanpa berkompromi

syarat-syarat seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan

Persekutuan.

PERTANYAAN JAWAB LISAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L

R.SANTIAGO [KLANG]

TARIKH 8 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan asas (*basic*) pelantikan Datuk Michelle Yeoh sebagai duta kempen “Come and Read 1 Malaysia”. Berapakah bayaran untuk perkhidmatan beliau.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pemilihan pelakon, YBhg Datuk Michelle Yeoh sebagai ikon Kempen Mari Membaca 1 Malaysia berdasarkan kecemerlangannya sebagai pelakon filem bertaraf antarabangsa. Aktiviti kegemaran beliau sejak remaja adalah dengan membaca. Purata membaca di antara 10 - 15 buah buku sebulan dengan harapan penglibatannya dapat mengubah tabiat dan menyemarakkan amalan membaca di kalangan masyarakat negara ini.

Penglibatan beliau sebagai Ikon Membaca adalah secara sukarela dan dilakukan sebagai kerja amal beliau bagi membantu kerajaan menggalakkan amalan membaca dikalangan masyarakat

Soalan No: 45

**PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN
DEWAN
RAKYAT,
DARIPADA DATUK HALIMAH BINTI MOHD
PERTANYAAN MALAYSIA SADIQUE (TENGGARA)
TARIKH LISAN
SOALAN NO 08.06.2010
45**

Datuk Halimah binti Mohd Sadique (Tenggara) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan pakej perlindungan kewangan pelanggan untuk melindungi kepentingan pendeposit menjelang tamatnya Jaminan Deposit Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai persediaan tamatnya Jaminan Deposit Kerajaan pada 31 Disember 2010, Kerajaan telah mengumumkan cadangan untuk melaksanakan beberapa langkah yang bertujuan memperkuatkan perlindungan konsumen kewangan untuk rakyat Malaysia. Langkah-langkah tersebut termasuklah:

- a) Had insurans deposit yang baru dan lebih tinggi iaitu RM250,000. Had perlindungan yang baru ini dijangka akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2011. Melalui had baru ini, 99% para pendeposit akan dilindungi sepenuhnya oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Had baru ini mengambil kira tahap kekayaan rakyat Malaysia yang semakin bertambah. Had baru insurans deposit yang dicadangkan adalah setanding dengan had baru atau yang dicadangkan oleh negara-negara lain;

- b) mewujudkan peraturan-peraturan baru (Peraturan Maklumat) yang bertujuan untuk memastikan para pendeposit mempunyai kesedaran tentang jenis-jenis produk yang dilindungi atau tidak dilindungi oleh insurans deposit, ketika mereka meletakkan deposit atau membeli surat cara kewangan (*financial instrument*) daripada sesebuah bank. PIDM juga akan memastikan bank anggota memaklumkan para pendeposit, sama ada produk kewangan yang ditawarkan dilindungi oleh insurans deposit atau tidak;
- c) beberapa pindaan kepada Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM) termasuk memperkuuhkan kuasa campur tangan dan resolusi (*intervention and resolution*) yang terkandung dalam Akta PIDM agar PIDM dapat melaksanakan tanggungjawabnya secara efektif dan efisien; dan
- d) suatu skim pampasan insurans (SPI) yang baru untuk pemegang polisi insurans dan takaful. PIDM akan mengadakan rundingan bersama pemegang-pemegang kepentingan (*stakeholder*) mengenai ciri-ciri utama SPI yang dicadangkan, sebelum mengemukakan syornya kepada pihak kerajaan. Ciri-ciri awal yang sedang dipertimbangkan atau dirundingkan adalah keanggotaan, skop perlindungan, kaedah agregat, pendanaan dan dasar taksiran.

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA Y.B. DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL
TOYAD
(MUKAH)

TARIKH 08.06.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD [MUKAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan untuk asrama desa dan sekolah luar bandar di Sarawak untuk makanan dan belanja pengurusan asrama ini dalam tahun

2008 dan 2009 dan berapakah peruntukan untuk tahun 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Peruntukan Bantuan Makanan Asrama (BMA) bagi asrama desa dan asrama sekolah luar bandar di Sarawak untuk tahun 2008, 2009 dan 2010 adalah seperti berikut.

TAHUN	PERUNTUKAN BMA (RM)
2008	154,008,984.85
2009	254,005,865.86
2010 (<i>sehingga 31 Mac</i>)	45,344,035.41
JUMLAH	453,358,886.12

Rjm 06

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN

TARIKH: 8 JUN 2010

SOALAN:

Tuan Kamalanathan a/1 Panchanathan [Hulu Selangor] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah prasarana kemudahan air untuk penghuni-penghuni estet; dan
- (b) bolehkah Kerajaan menggubal satu polisi untuk mewajibkan pemilik estet bertanggungjawab untuk menjamin kemudahan-kemudahan bekalan elektrik dan air kepada penghuni-penghuni estet.

PR-1232-L38871

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak Kerajaan bagi meningkatkan kemudahan prasarana dan infrastruktur termasuk kemudahan bekalan air dapat dinikmati oleh penghuni-penghuni estet di seluruh Malaysia. Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Unit Perancang Ekonomi (UPE, JPM) bersama agensi-agensi perladangan telah dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan program-program pembangunan di estet-estet.

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah KKLW, pihak Kerajaan telah melaksanakan program bagi membantu estet-estet memperolehi kemudahan prasarana khususnya bekalan air. Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) merupakan satu usaha yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan khusus kepada estet-estet yang berkeluasan kurang daripada 1000 ekar. Program ini merangkumi kerja-kejaya penyambungan paip utama Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN), termasuk pembinaan tangki dan sistem *booster pump* membaiki, membesar, menganti sistem pembekalan air yang dirawat.

Beberapa siri perbincangan bersama agensi-agensi yang berkaitan telah diadakan bagi bagi memperluaskan liputan Program BALB kepada ladang-ladang yang berkeluasan melebihi 1000 ekar.

Tuan Yang di-Pertua,

b) Sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 6(1)(a), Akta Standard-standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990, majikan ladang adalah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan bekalan air paip percuma dan mencukupi. Seksyen ini menyatakan "*sekiranya kemudahan perumahan untuk pekerja disediakan majikan, maka adalah menjadi kewajipan majikan untuk menyediakan air paip percuma dan mencukupi yang diambil daripada bekalan awam atau sumber lain yang boleh diminum yang dituras dan diproses mengikut cara yang diluluskan oleh Ketua Pengarah secara bertulis*

Sehingga April 2010 daripada 2437 majikan ladang yang menyediakan perumahan pekerja, sejumlah 854 majikan menyediakan kemudahan bekalan air sumber awam, manakala sebanyak 1,583 majikan ladang menyediakan bekalan air sumber sendiri.

Bagi menjamin kemudahan bekalan elektrik pula, majikan ladang juga bertanggungjawab untuk menyediakan bekalan elektrik yang mencukupi kepada perumahan pekerja ladang. Mengikut seksyen 6(1)(b), Akta 446, menyatakan bahawa "*sekiranya perumahan disediakan oleh majikan, maka adalah menjadi kewajipan majikan juga untuk menyediakan bekalan elektrik yang mencukupi yang diambil daripada sumber awam atau sendiri*".

Sehingga April 2010, daripada 2437 majikan ladang yang ada perumahan, sebanyak 1,162 buah ladang telah disediakan bekalan elektrik sumber awam manakala baki sebanyak 780 ladang masih menggunakan bekalan elektrik sumber sendiri.

Bagi memastikan bekalan air dan letrik dari sumber awam dipertingkatkan di perumahan ladang-ladang, KSM telah mengadakan rundingan dengan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dan Tenaga National Berhad. Ini kerana penyaluran bekalan air dan letrik daripada sumber awam terlau tinggi dan jarak perumahan ladang yang jauh dipendalaman.

KSM juga telah mengadakan usaha pembangunan komuniti ladang melalui Pelan

Pembangunan Lima Tahun (PPLT) 2009 - 2013 Sektor Perladangan, yang mana antara aktiviti yang ditetapkan ialah ‘menyediakan bekalan air daripada sumber awam dengan meter berasingan (individual meter) dan sekiranya bekalan air daripada sumber persendirian, majikan perlu menentukan supaya bekalan air bersih dituras, dirawat dan disediakan untuk tempoh 24 jam’ dan ‘menyediakan bekalan elektrik dari sumber awam dengan meter berasingan dan sekiranya bekalan elektrik dari sumber persendirian majikan perlu menyediakan bekalan untuk 24 jam sehari’

KSM juga telah mengambil langkah menyarankan agar majikan ladang berusaha menyediakan bekalan air dan elektrik menggunakan meter individu di perumahan ladang-ladang. Adalah diharapkan dengan usaha-usaha diatas bersama dengan komitmen syarikat-syarikat perladangan, kemudahan asas bekalan elektrik dan air kepada penghuni-penghuni estet dapat dipertingkatkan.

NO. SOALAN: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)
TARIKH : 8 JUN 2010 (SELASA)
SOALAN:

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) minta PERDANA MENTERI menyatakan pro dan kontra pelaksanaan Model Ekonomi baru (MEB) dan cara-cara yang akan digunakan untuk melaksanakan dengan efektif.

TAWAPAN:

Model Baru Ekonomi (MBE) merupakan satu pendekatan bagi menentukan pembangunan Ekonomi akan terus mampan supaya setiap rakyat Malaysia menikmati kualiti hidup yang tinggi. Matlamat utama MBE adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi dengan ciri keterangkuman dan kemampanan. Selain daripada berpendapatan tinggi, MBE juga merangka langkah untuk membolehkan semua komuniti menikmati kekayaan negara serta memenuhi keperluan rakyat tanpa menjaskan generasi yang akan datang. Untuk mencapai matlamat MBE satu perubahan pendekatan perlu diadakan bagi menentukan inisiatif pembaharuan strategik yang telah dikenalpasti dapat dilaksanakan dengan berjaya. Dalam usaha ini satu pendekatan baru ialah yang bertumpukan kepada pembangunan produktiviti, pertumbuhan pesat sektor swasta, autonomi tempatan dalam pembuatan keputusan, aktiviti ekonomi berasaskan kelompok dan koridor, mengutamakan industri dan firma yang berkemampuan teknologi, berorentasikan Asia dan Asia Barat serta mengekalkan dan menarik golongan profesional mahir.

Dalam usaha untuk mentransformasikan negara supaya melonjak ke status negara maju, terdapat perubahan yang akan membawa kesan negatif kepada masyarakat dan aktiviti ekonomi. Kemungkinan akan berlaku kecinciran bagi syarikat terlindung dan tidak berdaya saing dan tidak bedaya maju berbanding dengan syarikat yang berinovasi dan berteknologi tinggi di dalam rantai nilai tambah yang tinggi. Begitu juga bagi pekerja yang kurang mahir yang berdepan ketipisan peluang kerja apabila

industri bergerak kearah inovasi dan produk nilai tambah yang tinggi. Negara akan menghadapi rintangan yang sementara dalam proses transformasi struktural dan ekonomi di beberapa sektor bagi mencapai status negara maju. Namun demikian MBE juga telah mencadangkan bantuan serta *social safety net* diadakan terlebih dahulu bagi rakyat dan industri untuk mampu bergerak dan bersaing dengan nilai tambah yang tinggi supaya dapat bersama-sama memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi Negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TERESA KOK SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 8 JUN 2010

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah perbelanjaan yang terlibat dalam lawatan rombongan Perdana Menteri ke Amerika Syarikat dan Jepun dalam bulan April 2010

JAWAPAN: YB PATO' SERI MOHAMED NAZR BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah perbelanjaan bagi keseluruhan lawatan rombongan Perdana

Menteri ke Amerika Syarikat bagi Sidang ‘Nuclear Security Summit’ yang diadakan pada 12-13 April 2010 dan lawatan rasmi ke Jepun pada 18-21 PERTANYAAN 0 adalah berjumlah RM1,887,268.13 iaitu RM1,461,732.17 untuk lawatan ke Amerika Syarikat dan RM425.535.96 untuk lawatan ke Jepun meliputi tambang kapal terbang, elan makan, penginapan, sewa kenderaan dan perbelanjaan pelbagai.

NO SOALAN : 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

**DARIPADA YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK
PULAU]**

TARIKH 8 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos yang terpaksa dibayar oleh Kerajaan kepada 'Center for Talented Youth' bagi meneruskan Program PERMATA Pintar dan bagaimanakah proses pemilihan syarikat pemaju untuk membina sekolah baru bagi tujuan program ini.

JAWAPAN: **Y.B. DATO* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Di peringkat permulaan pelaksanaan Program PERMATA Pintar dilaksanakan secara projek perintis dengan 2 program berikut iaitu Perkhemahan Cuti Sekolah (PCS) dan Sekolah Pintar Cerdas Berbakat (SPCB) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 'Center for Talented Youth' (CTY) di *John Hopkins University* (JHU), Amerika Syarikat berperanan sebagai penggubal kursus-kursus yang akan diadaptasikan bagi pelajar Pintar Cerdas Berbakat (PCB) yang terpilih semasa di PCS. Kos yang dibayar oleh Kerajaan

NO SOALAN : 50

kepada CTY bagi Program PERMATA Pintar adalah sebanyak RM 1.2 juta dan meliputi perkara-perkara berikut:-

- a) sebanyak 9 jenis kursus telah ditawarkan di PCS pada tahun 2009 dan 3 kursus baru bagi tahun 2010;
- b) membiayai penghantaran 5 orang pelajar PERMATA Pintar ke JHU untuk menghadiri *Summer Camp* selama sebulan beserta pegawai pengiring mereka;
- c) menyediakan kursus atas talian bersama CTY; dan
- d) perkhidmatan konsultasi dan nasihat.

Proses pemilihan syarikat pemaju untuk pembinaan Sekolah Pintar Cerdas Berbakat (SPCB) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dilaksanakan oleh Jabatan Pengurusan Pembangunan (JPP) UKM melalui proses tender terbuka. JPP akan menyenarai pendek nama pemaju untuk membida tender (*bidding for tender*) dan nama pemaju akan dihantar ke Jawatankuasa Tender peringkat UKM yang dipengerusikan oleh Naib Canselor UKM.

Sekian. Terima kasih.

Soalan No: 51

DARIPADA	PEMBERITAH U PERTANYAAN
	: TUAN TONY PUA KIAM DEWAN WEE (PETALING JAYA) RAKYAT, MALAYSIA
PERTANYAAN	LISA N
TARIKH	08.06.2010
SOALAN NO	51

Tuan Tony Pua Kim Wee (Petaling Jaya Utara) minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan:

- a) sebab Ascot Sports ditawarkan lesen perjudian bola sepak secara rundingan terus tanpa sebarang tender atau lelong; dan
- b) secara terperinci syarat-syarat yang dikenakan termasuk kadar dan sistem cukai, had keuntungan, peruntukan dan pengawalan isu sosial, yuran lesen dan lain-lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Jua, Kerajaan belum lagi mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia .

2. Kerajaan juga belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan dengan Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia.
3. Kerajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak

PEMBERITAHU PERTANYAAN
terhadap cadangan perlesenan pertaruhan *bookie* di Malaysia dengan hasrat untuk
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
mengurang dan seterusnya menghapuskan perjudian tanpa lesen di Malaysia.

NO. SOALAN: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB TUAN CHUA TIAN CHAN [BATU]
TARIKH	8 JUN 2010

SOALAN

Tuan Chua Tian Chang (Batu) minta PERDANA MENTERI

menyatakan :

- a) **Apakah perkara-perkara yang telah dilakukan oleh APCO dalam perkhidmatan *Public Affair and Government Affairs Services* dan perkhidmatan *Strategic Communications, Public Relations and Press Outreach*; dan**
- b) **Sama ada Kerajaan menyiasat latar belakang APCO sebelum diupah dan sama ada Kerajaan berpuas hati terhadap prestasi perkhidmatan APCO kepada Kerajaan.**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- a) APCO Worldwide telah mula bekerja dengan Kerajaan Malaysia

JAWAPAN: YB DATO⁸ SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

pada Jun 2009, sebagaimana yang ditetapkan menerusi dua perjanjian iaitu :

- i) *Public Affairs and Government Affair Services; dan*
- ii) *Strategic Communications, Public Relations and Press Outreach Agreement.*

Syarikat APCO Worldwide Sdn Bhd dilantik Kerajaan untuk melaksanakan perkhidmatan berkomunikasi secara menyeluruh. Ia bertujuan untuk meningkatkan lagi kapasiti Kerajaan dalam bidang komunikasi agar pendekatan dan amalan kita adalah sama dengan amalan terbaik dunia.

Di antara perkhidmatan yang disediakan oleh APCO kepada Kementerian adalah mengendalikan latihan yang bertujuan membina kemahiran pegawai yang bertanggungjawab mengenai komunikasi. Latihan juga bertujuan untuk mengukuhkan lagi koordinasi di antara Kementerian dalam menyelaras strategi komunikasi.

Pegawai juga didedahkan kepada kaedah menganalisa dan pemantauan media, membina laman web, amalan terbaik media sosial, menguruskan isu-isu dan menyediakan pelan komunikasi.

APCO juga membantu Kementerian-Kementerian dengan memberi sokongan hubungan media antarabangsa, perancangan strategik serta kajian dan analisa. Setakat ini lebih 500 pegawai dari 15 Kementerian telah menerima latihan tersebut.

Diharapkan melalui program ini, kita dapat melahirkan kumpulan pegawai Kerajaan yang mempunyai kemahiran mengendalikan program komunikasi dengan menggunakan kaedah moden secara berkesan.

- b) APCO merupakan sebuah syarikat komunikasi antarabangsa yang mempunyai reputasi yang baik dan Kerajaan tidak ada kesangsian apabila mendapatkan khidmat syarikat tersebut.

Setakat ini APCO telah memberi perkhidmatan yang baik sebagai yang ditetapkan dalam perjanjian dengan Kerajaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

NO.AUM : 33

NO. AUP : £3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM BANDAR BARU]

TARIKH 8 JUN 2010

RUJUKAN 2681

SOALAN:

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :**

- (a) apakah prosedur untuk mendapat kelulusan menerbit, mencetak dan menjual mushaf Al-Quran daripada luar; dan
- (b) berikan butiran terperinci setiap mushaf Al-Quran yang telahpun diluluskan dan dibenar untuk jualan setakat ini, sebab diluluskan, tempoh masa diambil untuk kelulusan serta dari negara mana dan berikan butiran terperinci setiap mushaf yang telah ditolak kelulusan, sebab ditolak dan dari negara mana.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk mendapat keiulusan menerbit, mencetak dan menjual mushaf Al-Quran yang diimport daripada luar negara, pengimport disyaratkan membuat permohonan kepada Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan mengemukakan borang permohonan berserta borang Akuan Berkanun. Setiap permohonan akan dikenakan bayaran tiga ratus ringgit (RM 300.00) yang dibayar dalam bentuk wang pos atau bank draf.

Setiap teks Al-Quran perlu melalui proses penyemakan dan penilaian oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Teks Al- Quran, (KDN) sebelum ianya dapat dicetak atau diimport.

Perakuan

Lembaga penting bagi memastikan kesahihan teks Al-Quran berkenaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Sepanjang tahun 1988 sehingga bulan Mei 2010, sebanyak dua ratus lima belas (215) teks Al-Quran telah mendapat kelulusan KDN. Teks-teks Al-Quran ini terdiri daripada cetakan/terbitan di negara ini dan juga yang diimport dari luar negara. Ia meliputi pelbagai bentuk dan format iaitu sama ada berbentuk naskhah mushaf maupun digital seperti CD, DVD, MP3/4, telefon bimbit, Quran Red Pen dan sebagainya.

Kesemua teks Al-Quran tersebut telah melalui proses semakan dan penilaian oleh Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Teks Al-Quran (Lajnah Taskeh Al-Quran) dan diperakui betul oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Teks Al-Quran, KDN sepetimana yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 6 dan 7 Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 (Akta 326)

Sesuatu teks Al-Quran itu mestilah di dalam penulisan *Rasm*

Uthmani iaitu penulisan yang telah disepakati oleh semua Ulama' bidang Al-Quran dan Qiraat.

Tuan Yang Di Pertua,

Sepertimana yang telah ditetapkan dalam perlaksanaan ISO 9001:2008, tempoh kelulusan perakuan betul pruf akhir teks Al-Quran adalah dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh permohonan jika tiada terdapat sebarang kesalahan dan kesilapan pada pruf akhir teks Al-Quran tersebut.

Buat masa ini, teks Al-Quran cetakan dan terbitan dari Luar Negara seperti Indonesia, Thailand, Mesir, Syria, Jordan, China dan Turki telahpun mendapat kelulusan daripada KDN.

Sesuatu teks Al-Quran itu ditolak kemasukannya sekiranya ia bukan dalam bentuk penulisan Rasm Uthmani atau mempunyai kesalahan-kesalahan seperti berikut:

Mempunyai kesalahan besar melebihi 30 dan kesalahan kecil melebihi

90 bagi 30 juzuk al-Quran.

Mempunyai kesalahan dari segi Dhapt/ tanda-tanda bacaan al-Quran
Rasm Uthmani.

Kesalahan teknikal dari segi susunan ayat atau penjilidan teks al-Quran seperti bertukar susunan muka surat atau kertas terlalu nipis yang menyebabkan sesuatu tulisan itu berbayang di belakang, dakwat kembang dan sebagainya.

NO. AUM : 36

NO. AUP : Sf

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]**

TARIKH **8 JUN 2010**

RUJUKAN **2682**

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendapatan tahunan yang dipungut oleh Kerajaan menerusi saman trafik yang dikeluarkan oleh polis dari tahun 2000 hingga 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Serdang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Cawangan Trafik Polis Diraja Malaysia mengeluarkan purata 10,000 saman setiap hari ke atas pelbagai kesalahan lalulintas di seluruh negara. Untuk tempoh tahun 2000 hingga 25 Mei 2010, jumlah bilangan saman yang berjaya di selesaikan ialah sebanyak 29,971,137 saman. Manakala jumlah kutipan bayaran saman bagi tempoh yang sama ialah sebanyak RM 2,620,484,843.

Soalan No: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

**TARIKH
JAWAPAN DI
DEWAN RAKYAT**

**08 JUN 2010
(SELASA)**

SOALAN

NO. 55

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan tindakan yang hendak diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah Indah Water Konsortium (IWK) yang tidak memberikan perkhidmatan atau perkhidmatan yang memuaskan dan juga keengganan pelanggan-pelanggan membayar bil IWK kerana dianggap tidak adil dan munasabah.

JAWAPAN Tuan

Yang Dipertua,

Kerajaan pada umumnya menghargai usaha Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) selama ini untuk mengendalikan dan menyelenggarakan (O&M) sistem pembetungan awam di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan kecuali di negeri Kelantan dan kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Pasir Gudang. Sungguhpun dengan kekangan yang dihadapi terutamanya tarif yang rendah dan perkhidmatan yang kurang dihargai oleh pengguna, pihak IWK masih mampu mengekalkan tahap pematuhan pelepasan efluen seperti dikehendaki oleh Akta Kualiti Alam

Sekeliling 1972.

Tuan Yang Dipertua,

PERTANYAAN

Bagi membolehkan syarikat O&M seperti IWK melaksanakan tanggungjawabnya, Kerajaan sedang giat berusaha untuk meningkatkan lagi prasarana perkhidmatan pembetungan di seluruh negara. Antara tumpuan utama ialah untuk menaik taraf dan merasionalisasi loji-loji pembetungan yang sebelum ini telah disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Loji-loji tersebut tidak berupaya lagi merawat kumbahan berikutan peningkatan kapasiti dan syarat-syarat pelepasan efluen yang ketat.

Di samping itu, semua operasi loji-loji rawatan kumbahan awam yang dikendalikan IWK dan loji-loji persendirian dan tangki septik yang dikendalikan oleh pemilik premis dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) berpandukan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). Dengan pelaburan capex dan pengawalseliaan secara sistematis, Kerajaan yakin pengendalian perkhidmatan pembetungan dapat ditingkatkan lagi secara berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa.

Soalan No: 56

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA: ^{PEMB} **TUAN WONG HOLENG [SIBU]**
^{ERITAHUAN}

TARIKH PERTANYAAN **8 JUN 2010 (SELASA)**
PERTANYAAN **DEWAN RAKYAT**

SOALAN 56

Tuan Wong Ho Leng (Sibu) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan memberikan laporan terkini mengenai kerja binaan tambahan lapangan terbang Sibu termasuk jumlah wang yang akan diperuntukkan untuk kerja ini serta tarikh jangka tamat dan sama ada pemberian kontrak kerja binaan tambahan ini adalah menerusi tawaran terbuka.

TAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Sibu telah diumumkan oleh Kerajaan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua dengan siling sebanyak RM150 juta. Tender projek ini dilaksanakan secara tender terbuka pra-kelayakan seluruh negara.

Tender projek ini telah pun ditutup pada 20 Mei 2010 dan kini sedang dalam proses penilaian. Kontraktor projek dijangka dapat dilantik seawal bulan Julai 2010. Projek ini dijangka mengambil masa selama 2 tahun untuk dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Julai 2012.

NO. SOALAN:...^?

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA
BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
 [PADANG TERAP]**

TARIKH 8 JUN 2010

SOALAN :

**TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIAfPADANG TERAP] minta PERDANA
MENTERI menyatakan sejauh manakah bidang kuasa Kerajaan Pusat
melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dalam urusan yang melibatkan
Agama Islam negeri yang diketuai oleh KDYMM Tuanku Sultan sebagai
Ketua Agama Islam di negeri.**

JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO'SERI JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Pentadbiran dan pengurusan hal ehwal agama Islam diletakkan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang termaktub dalam Butiran 1 Senarai 2 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, yang diketuai oleh Raja-Raja Melayu. Manakala bagi negeri-negeri yang tidak beraja, Perkara 3, Fasal¹. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri berkenaan.

Bagi tujuan menyelaras pentadbiran hal ehwal Islam antara negeri-negeri, maka Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) telah ditubuhkan pada tahun 1969 dan diletakkan di bawah Majlis Raja- Raja. Penyelarasan yang dilaksanakan oleh MKI adalah meliputi tiga perkara iaitu dari aspek perundangan, pendidikan dan pentadbiran.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), selaku urus setia yang dilantik bagi melaksanakan tugas-tugas MKI, mempunyai bidang tugas seperti berikut, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 7 Peraturan MKI :

- (i) Membincang, menimbang dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujukkan kepada Majlis oleh Majlis Raja-Raja, mana-mana Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atau seseorang ahli Majlis, dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengesyoran;

- (ii) Memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran ugama Islam dan pelajaran Ugama Islam, dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalak persamaan undang-undang atau pentadbiran.

JAKIM berperanan sebagai badan penyelaras bagi pentadbiran hal ehwal Islam di Malaysia, selaras dengan kedudukannya sebagai sekretariat kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja, dan dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Dalam melaksanakan peranan tersebut, Jakim adalah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan tentang pembahagian kuasa perundangan di bawah Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan.

Sebagai sekretariat kepada Majlis Kebangsaan Bagi, Hal Ehwal Agama Islam (MKI), JAKIM memainkan peranan dalam menyelaraskan keputusan yang dibuat oleh Majlis Raja-Raja yang merupakan pihak berkuasa tertinggi mengenai hal ehwal Islam dalam negara. Selain daripada Sekretariat MKI, JAKIM juga merupakan urus setia kepada Lembaga Penasihat Penyelaras Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja dalam mesyuarat kali ke 126 pada 24 Februari 1983. Peranan yang dimainkan oleh pihak JAKIM adalah untuk menyelaras dan menyeragamkan Sistem Pendidikan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Agama Negeri dan Rakyat di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN

LISAN

SOALAN (58)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

TARIKH 8 JUN 2010 (SELASA)

DARIPADA Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN
 HUSAIN (PASIR PUTEH)

SOALAN

**Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTEH) mintd
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

menyatakan jenis bantuan perumahan untuk golongan daif dan adakah pihak Kementerian menjalankan usaha ini dengan kerjasama Kerajaan-Kerajaan Negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak mempunyai sebarang bantuan untuk golongan daif. walau bagaimanapun, pihak KP KT ada menawarkan kemudahan pinjaman kepada Golongan Berpendapatan Rendah dengan pendapatan isi rumah di antara RM 500.00 sehingga RM1,200.00 sebulan. Borang permohonan pinjaman ini boleh dimuat turun dalam

laman web KP KT ataupun di Bahagian Skim Pinjaman

Perumahan, Jabatan Perumahan Negara. Pinjaman
maksimum bagi pinjaman ini adalah RM20,000.00

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2010

NO SOALAN : 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM
TARIKH	8 JUN 2010
SOALAN	

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa penduduk FELDA Sg. Buaya telah diberi RM50.000 oleh Syarikat Idiqa Sdn. Bhd. setelah 15 tahun menunggu pampasan tanah yang telah diserahkan kepada syarikat swasta. Jika ya, apakah latar belakang dan pengalaman syarikat tersebut.

JAWAPAN **DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penduduk Kg Sungai Buaya, Hulu Selangor pada awalnya merupakan peneroka FELDA. Namun begitu pada tahun 1994, mereka ini yang terdiri daripada 362 peneroka telah membuat keputusan untuk membangunkan kawasan tersebut dengan pembangunan bercampur dan seterusnya memohon berpisah daripada pengurusan

FELDA. Melaiui surat bertarikh 5 Disember 1994 yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Tanah Dan Koperasi ketika itu, Kerajaan telah bersetuju untuk menamatkan rancangan penempatan Kg Sungai Buaya di bawah Seksyen 44 (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 atau *Group Settlement Areas (GSA)*. Tanah peneroka telah diubah syarat daripada pertanian kepada pembangunan bercampur dan pada masa yang sama peneroka melantik Syarikat Murna Jaya Development Sdn. Bhd. bekerjasama dengan Land & General Bhd. (L&G) untuk membangunkan semula Kg Sungai Buaya. Peneroka ditawarkan pampasan RM120,967.74 seekor bagi kawasan seluas lapan (8) ekar dan sepatutnya mendapat pampasan tanah sekitar RM960,000.00 seorang. Oleh sebab kemelesetan ekonomi dan permintaan harta tanah yang perlahan, maka projek pembangunan bercampur tergendala dan peneroka hanya menerima pampasan kira-kira RM300,000.00 seorang sahaja.

Kerajaan sedar Syarikat Idiqa Holding Sdn Bhd telah membuat perjanjian dengan penduduk Kg Sungai Buaya dan telah menyerahkan wang sebanyak RM50,000.00 sebagai bayaran pendahuluan pampasan tanah kepada bekas peneroka Kg Sungai Buaya. Kerajaan telah dimaklumkan bahawa syarikat Idiqa Holding Sdn. Bhd. akan meneruskan pembangunan di Kg Sungai Buaya dengan pelbagai projek harta tanah. Syarikat ini adalah milik 100 peratus (%) bumiputera yang berpengalaman dengan nilai kontrak yang telah dilaksanakan melebihi RM300 juta. Pada 20 April 2009 syarikat ini juga telah memperolehi sijil ISO 9001/2008 sebagai pengiktirafan terhadap kualiti dan *standard* kerja

NO SOALAN : 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

mereka.
PERTANYAAN

Pembangunan yang dirancang oleh syarikat Idiqa Holding Sdn Bhd belum lagi dimuktamadkan. Difahamkan syarikat ini berkemungkinan mengadakan usahasama dengan pemaju lain yang difikirkan sesuai dan kompetitif bagi meneruskan pembangunan harta tanah di Kg Sungai Buaya.

oooooooooooooooooooo

Soalan No: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT :BAGI JAWAB

LISAN

PERTANYAAN
DARIPADA

YB Tuan Wee Choo Keong

[Wangsa Maju]

TARIKH

8 Jun 2010 (Selasa)

SOALAN

60

YB Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementeriannya maklum tindakan Air Asia (AA) menyimpan cukai Lapangan Terbang (*Airport Tax*) yang telah dikutip dari penumpang sedangkan penumpang itu gagal menggunakan perkhidmatan yang disediakan.

Berapakah jumlah keseluruhan cukai tersebut yang disimpan oleh AA serta apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan AA menyerahkan cukai yang dipungut itu kepada MAHB tanpa berlengah lagi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pengangkutan sedia maklum bahawa AirAsia menyimpan cukai lapangan terbang (*Passenger Service Charge - PSC*) yang telah dikutip daripada penumpang, sedangkan penumpang itu gagal menggunakan perkhidmatan yang disediakan.

Mengenai jumlah keseluruhan cukai lapangan terbang yang disimpan, Kementerian akan memberikan maklumat tersebut secara bertulis memandangkan Kementerian masih menunggu maklumat tersebut daripada pihak AirAsia.

Berhubung penyerahan kutipan cukai lapangan terbang tersebut kepada pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB)/Kerajaan, Kementerian sedang

merangka polisi dan prosedur yang baru supaya selaras dengan seksyen 8 Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Pindaan 2002), untuk memastikan syarikat penerbangan Malaysia termasuk Air Asia memulangkan kutipan tersebut kepada M AHB / Kerajaan.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR

TARIKH 8 JUN 2010

SOALAN 6| YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah tindakan dan langkah-langkah Kerajaan untuk menggerakkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Iran.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Buntar di atas soalan yang dikemukakan.

2. Tuan Yang Di-Pertua, dengan segal,a hormatnya saya ingin memohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tumpat yang dijadualkan pada 8 Jun 2010 oleh kerana soalan-soalan ini berkisar mengenai hubungan dua hala Malaysia dan Republik Islam Iran.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Republik Islam Iran berada pada tahap yang baik dan akrab. Malaysia dan Republik Islam Iran saling bekerjasama bagi memperkuatkan hubungan dua hala dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan dan pelaburan, pembinaan infrastruktur, kewangan dan perbankan, kerjasama teknikal dan bina upaya, pelancongan, pengangkutan, pendidikan, sains dan teknologi serta penerangan.
4. Dari segi perdagangan pula, Republik Islam Iran merupakan antara rakan dagangan utama Malaysia di rantau Timur Tengah dengan jumlah dagangan dua hala sebanyak RM3.52 bilion pada tahun 2009.
5. Malaysia juga giat bekerjasama dengan Republik Islam Iran di arena antarabangsa melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Kumpulan 8 Negara-negara Membangun (D8).
6. Antara langkah-langkah dan tindakan yang diambil untuk memperkuatkan lagi hubungan dua hala Malaysia - Iran adalah dengan menggalakkan pertukaran lawatan dua hala peringkat tertinggi di antara para pemimpin, anggota-anggota kanan kerajaan dan pentadbiran; memperkuatkan hubungan dagangan dua hala dengan mempelbagaikan komoditi eksport dan import; kerjasama yang lebih jitu di antara ahli-ahli perniagaan kedua-dua buah negara; menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia menyertai projek pembinaan infrastruktur di Iran; menjalankan kerjasama teknikal dan daya upaya; mengadakan promosi bagi menarik lebih ramai pelancong dan pelajar dari Iran untuk melawat serta melanjutkan pengajian tinggi di Malaysia; meningkatkan kerjasama di dalam bidang sains dan teknologi; dan kerjasama dalam

bidang penerangan.

7. Sebagai makluman Yang Berhormat juga, bagi menjana dan memperkuatkannya lagi hubungan kerjasama dua hala di antara kedua-dua buah negara dalam pelbagai bidang, Mesyuarat Suruhanjaya Bersama atau dengan izin, *Joint Commission Meeting* (JCM), telah diguna pakai oleh Malaysia dan Iran sebagai satu mekanisme ke arah ini. Mesyuarat Suruhanjaya Bersama kali ke-7 Malaysia - Iran telah diadakan di Kuala Lumpur pada bulan November 2008.

Sekian, terima kasih.

/to: 63-

<u>PEMBERITAH</u>	
<u>UAN</u>	
<u>PERTANYAA</u>	
<u>N BAGI</u>	
<u>JAWAB</u>	
<u>LISAN</u>	
<u>DEWAN</u>	
<u>PERTAMA</u>	JAWAB LISAN
<u>NAKAT</u>	
<u>MALAYSIA</u>	
DARIPADA	DATO* SERI ABDUL HADI BIN AWANG
	[MARANG]
TARIKH	8 JUN 2010
SOALAN C"X	DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan kesan yang dihadapi oleh Malaysia setelah Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Vienna yang mengundi tidak menyokong resolusi berkaitan isu nuklear Iran di Mesyuarat Lembaga Gabenor Agensi Tenaga Atom Antarabangsa di Austria baru-baru ini.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Marang di atas soalan yang telah dikemukakan. Resolusi yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Marang merupakan Resolusi yang telah dibentangkan oleh negara Jerman di Mesyuarat Lembaga Gabenor Agensi Tenaga Atom Antarabangsa atau dengan izin, *International Atomic Energy Agency*, (IAEA) yang telah diadakan pada 27 November 2009 di Vienna, Austria.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Saya ingin menjelaskan bahawa, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu agar pengundian tersebut tidak memberi kesan kepada Malaysia dan hasilnya dapat dilihat apabila Malaysia telah dilantik semula oleh Ahli-Ahli Lembaga Gabenor IAEA untuk terus memegang jawatan Pengerusi Lembaga Gabenor IAEA. Semasa undian tersebut, Malaysia telah menerima sokongan sebulat suara daripada kesemua 35 ahli Lembaga tersebut. Selain itu juga, sokongan dan pendapat Malaysia terus dirujuk diperingkat duahala dan pelbagai hala samada daripada Negara-Negara Sedang Membangun mahupun daripada Negara-Negara Maju di dalam pelbagai isu antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

